



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 49

RABU 9 DISEMBER, 1987.

رابو 17 ربيع الأخير 1408

PERCUMA

Pesuruhjaya Mahkamah Besar yang baru dilantik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melantik Tuan Hakim Philip Gerard Clough sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar bagi tempoh tiga tahun.

Istiadat tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman di sini pada 30 November lepas.

Surat lantikan Tuan Hakim Philip Gerard Clough telah dibacakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Nabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Grand Chamberlain.

Berangkat dari istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Per-

maisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan.

Juga hadir ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-undang dan Yang Amat Mulia Pengiran Sangamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengurniakan surat perantikan sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar kepada Tuan Hakim Philip Gerard Clough. — Gambar oleh Harun Rashid.



SEDIAKAN PETI SURAT SENDIRI DI RUMAH

Oleh Zubaidah HS

PULAU. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Menteri Perhubungan mensyorkan rakyat dan penduduk di negara ini supaya masing-masing membuat peti surat (post box) di rumah-rumah atau di bangunan yang sudah lama dibina ataupun yang akan dibina.

Perkara ini jelas Yang Berhormat adalah secukup dengan perkembangan dan bagi kemudahan penyerahan mel-mel ke rumah-rumah

terutama di bangunan-bangunan yang tinggi.

Sehubungan dengan itu Yang Berhormat juga memohon jasa baik pegawai-pegawai profesional terutama sekali arkitek-arkitek supaya dalam membentuk sesuatu bangunan atau rumah juga akan dapat memasukkan peti surat penyerahan di bahagian bawah bangunan atau rumah yang dibina.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Menteri Perhubungan mencadangkan demikian ketika berucap merasmikan Musabaqah Tilawatil Quran di antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam bagi tahun ini yang berlangsung di Pusat Dakwah

Islamiah, pada 5 Disember lepas.

Menurut Yang Berhormat, Pejabat Pos di seluruh negara juga sentiasa bersedia memberikan nasihat atau menunjukkan reka-reka-bentuk peti-peti surat penyerahan yang sesuai bagi tiap-tiap rumah atau bangunan di negara ini.

Menyentuh mengenai dengan penggunaan poskod yang telah dilancarkan dalam bulan Julai lepas, menurut penilaian yang telah dibuat, jelas Yang Berhormat, sebahagian besar rakyat dan penduduk negara ini telah pun menggunakan poskod.

Lihat muka 3

Kebawah D.Y.M.M utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand bersempena dengan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ke-60 pada 5 Disember, 1987.

PETIKAN TITAH

“DI DALAM hasrat kita untuk membentuk sebuah negara yang aman, tenteram, pesat membangun dan digalati, maka adalah beta harapkan supaya seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa mematuhi dan menghormati setiap undang-undang negara ini, dan seterusnya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak yang berwajib di dalam melaksanakan peraturan-peraturan dan undang-undang.”

Ditahukan di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kebesaran sempena hari keputeraan baginda ke-41 tahun di Lapau pada 15 Julai, 1987.

LAWATAN KE REPUBLIK SINGAPURA BERJAYA

BERAKAS. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berlepas pulang selepas melakukan lawatan rasmi selama empat hari ke

Republik Singapura disifatkan sebagai “berjaya”.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyifatkan kunjungan yang diundang oleh Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kedua Undang-Undang Singapura, Profesor

Jayakumar itu sebagai berjaya kerana memberi peluang menemui beberapa orang menteri kabinet kanan dan membincangkan masalah-masalah yang berkaitan dengan faedah bersama.

“Lawatan tersebut juga berjaya mengeratkan lagi

Lihat muka 7

MANISNYA IMAN

“BARANGSIAPA memberi selawat kepadaku satu kali maka Allah akan mengucapkan selawat kepadanya sepuluh kali.” — Hadis Nabi riwayat Muslim dari Abdullah bin Amr bin Ash radhiallahuan.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

9 DISEMBER, 1987

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

PENDEDAHAN BERTERUSAN DI BIDANG SUKAN

SEMEMANGNYA banyak cara bagi ahli-ahli sukan negara kita untuk berusaha memperbaiki mutu permainan dan prestasi sukan masing-masing ke tahap yang lebih baik. Pendedahan dan latihan-latihan berterusan yang dilakukan oleh setiap ahli sukan merupakan antara cara ke arah mencapai usaha berkenaan. Kehadiran pasukan hoki kebangsaan Republik Korea ke negara kita baru-baru ini dengan mengadakan beberapa perlawanan persahabatan dengan pemain-pemain tempatan juga merupakan antara usaha yang berkesan ke arah peningkatan itu.

Pendedahan secara perlawanan sedemikian akan dapat memberi peluang terbuka kepada pemain-pemain tempatan untuk mempelajari dan memperoleh kemahiran tentang teknik-teknik dan strategik permainan yang lebih teratur dan mantap. Kita percaya melalui perlawanan itu pemain-pemain hoki tempatan telah dapat menyaluki dan mengamati secara dekat akan keupayaan pemain dan struktur permainan yang ditunjukkan oleh pemain-pemain Korea itu yang pernah menjadi juara dalam Sukan Asia ke-10 itu.

Sesungguhnya belajar dari pengalaman orang lain adalah salah satu cara untuk kita memperbaiki kebolehan dan kemampuan bakat yang ada pada diri kita.

Sayugianya ahli-ahli sukan di negara ini tidak akan mengabaikan peluang sedemikian andainya ada kesempatan-kesempatan yang diberikan. Kita sadar bahawa ahli-ahli sukan negara masih jauh untuk menjangkau tahap sebagai ahli sukan yang bertaraf antarabangsa. Namun demikian hal ini bukanlah suatu yang mustahil untuk dicapai andainya usaha-usaha yang disebutkan tadi terus dilakukan dengan stamina dan semangat sukan yang tidak mengenal jemu dan lelah. Sesuatu kejayaan yang mencapai kemuncaknya adalah bermula dari peringkat bawah.

Kegiatan sukan pada dasarnya adalah suatu yang universal. Ianya tidak terhad kepada siapa atau untuk siapa. Cuma ukuran kelayakannya terletak kepada kemampuan dan prestasi masing-masing di bidang mana seseorang itu perlu beraksi. Kerana itu tiada peringkat umur untuk sukat-sukat kelayakan mutlak dari segi apa jua yang membatasi kebolehan seseorang untuk bersukan.

Kita juga sadar bahawa pendedahan ahli-ahli sukan negara kita di peringkat antarabangsa secara aktif masih kurang. Namun di peringkat serantau kita telah memperlihatkan keupayaan terhadap saingan kita sekali pun cuma mencapai beberapa kejayaan kecil. Hal demikian telah meletakkan ahli-ahli sukan yang ada sebagai berpotensi untuk memperoleh sebarang kejayaan pada masa-masa akan datang dan sekaligus berjaya meletakkan kemampuan masing-masing ke tahap mutu sukan yang lebih baik.

Lazimnya golongan belia merupakan sumber tenaga yang berpotensi untuk bergiat dalam bidang sukan. Pada golongan inilah tumpuan sewajarnya patut diberikan dengan berbagai asuhan di bidang sukan secara sistematik dan disiplin. Di kalangan negara-negara maju yang menyertai perlawanan sukan antarabangsa seperti Sukan Olimpik, misalnya sebahagian besar pesertanya adalah terdiri daripada golongan belia.

Pencapaian menerusi bidang sukan dapat mengharumkan nama dan imej negara di peringkat antarabangsa. Di samping itu ianya juga mampu meletakkan status peribadi seseorang itu sebagai ahli sukan jika memperoleh kejayaan-kejayaan cemerlang di bidang sukan. Kita percaya setiap ahli sukan negara kita yang berpotensi mahu mencapai reputasi sedemikian. Untuk itu setiap kemahuan perlulah disertai dengan usaha-usaha berterusan. Di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Segala kemudahan riadah sukan dan skim penggalak sukan yang disumbangkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru-baru ini setentunya telah mendorong keinginan setiap ahli sukan negara untuk menempah sebarang kejayaan di bidang sukan pada masa-masa akan datang.

Bagi meningkatkan keselamatan di perairan Sungai Brunei dan Sungai Temburong:

PERATURAN BARU DIKUATKUASAKAN MULAI 1 JANUARI TAHUN DEPAN

SAYA ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian atas kesudian menjemput saya hadir ke majlis yang berkebakikan ini, iaitu yang merupakan Peraduan Zikir Peringkat Kementerian bagi Kementerian Perhubungan yang julung-julung kali diadakan pada tahun ini. Saya penuh yakin, usaha seperti ini bukan saja akan menambah ibadat kita semua, bahkan akan seterusnya memupuk proses perpaduan dan muhibah di kalangan seluruh anggota jabatan di bawah Kementerian Perhubungan.

Oleh yang demikian kepada semua tenaga dan para pengusaha bagi menjayakan peraduan ini, saya ucapkan tahniah yang setinggi-tingginya dengan doa semoga Allah Subhanahu Wataala akan mengurniakan keredaan-Nya kepada mereka.

Sekarang, alhamdulillah, telah sampai setahun penubuhan kementerian ini secara yang tersendiri dan kita semua telah sama-sama menyumbangkan tenaga dan usaha ke arah perpaduan dan kesefahaman yang bertaraf yang menyebabkan antara lain, pada amnya komitmen kita terhadap tugas-tugas kementerian ini seterusnya telah meningkat. Dari itu, kepada ketua-ketua jabatan dan melalui mereka kepada seluruh anggota keenam-enam jabatan di bawah kementerian ini, saya

ucapkan syabas dan mem-baharui seruan supaya tanpa kira-mengira meneruskan mutu komitmen kita dengan harapan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui kementerian ini, pada jangka panjang akan dapat dinikmati dengan lebih memuaskan oleh semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Menyentuh tentang perkhidmatan ini, saya ingin mengulang untuk pengetahuan ramai bahawa semata-mata demi faedah bagi meningkatkan lagi mutu keselamatan di kawasan perairan khususnya bagi mengelakkan beberapa kemalangan seperti di Sungai Butir, maka mulai bulan Ogos, 1986 iaitu tahun lepas, kementerian ini telah mengeluarkan satu peraturan supaya semua jenis kapal termasuk kapal tunda yang hendak pergi dari Bandar Seri Begawan ke Temburong tidak lagi dibenarkan untuk menggunakan Sungai Butir yakni adalah ditutup bagi semua laluan kapal-kapal melainkan perahu-perahu motosangkut dan perahu tambang yang masih berjalan seperti biasa. Dengan kedudukan ini, kapal-kapal barangan, termasuk tongkang-tongkang batu hendaknyalah menggunakan Sungai Brunei menuju ke Temburong dan sebaliknya. Dengan jalan ini, insya-Allah, kita akan seterusnya sama-sama mengelakkan kemalangan-



UCAPAN penuh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertandingan Zikir Maulud antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan bertempat di Pusat Dakwah Islamiah, Kampong Pulaie pada 29 November, 1987.

kemalangan yang mungkin berlaku itu.

Sebagai lanjutan kepada peraturan ini, Kementerian Perhubungan telah meneliti dengan sehalus-halusnya kedudukan kapal-kapal tunda yakni barges yang lazim ditunda untuk mengangkut batu dari Temburong ke Bandar Seri Begawan bahawa telah terbukti beberapa kali pemakaian kapal-kapal yang tidak mempunyai penggerak sendiri (kapal tunda) telah melibatkan beberapa kemalangan yakni hanyut terdampar sehingga merosakkan harta benda seperti jambatan Temburong, sebuah klinik di Kampong Putat dan sebuah sekolah di Kampong Ayer. Kemalangan-kemalangan seperti ini jika tidak dikawal dan diusahakan bagi mengelakkannya, boleh mencederakan orang ramai di masa-masa yang akan datang. Maka, berasaskan faktor-faktor itu, semata-mata untuk menjaga keselamatan orang ramai dan pengguna-pengguna kawasan perairan di negara ini, saya dengan ini mengumumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui kementerian ini tidak lagi membenarkan kapal-kapal yang bertunda melintasi Sungai Temburong dan Sungai Brunei termasuk Kampong Ayer. Dalam membuat peraturan seperti ini, kementerian ini telah mengambil kira keperluan kapal-kapal tunda untuk membawa batu pembinaan dari Temburong ke Daerah Brunei dan Muara, yang

mana nampaknya sudah begitu banyak kapal-kapal yang digunakan yang mempunyai daya penggerak sendiri. Namun demikian, untuk membolehkan sebahagian kecil yang harus masih ada, maka peraturan baru ini akan mula dikuatkuasakan pada 1 Januari, 1988 iaitu pada memberikan peluang untuk mereka yang harus masih memakai kapal tunda untuk beralih kepada pemakaian kapal-kapal yang mempunyai daya penggerak sendiri.

Dengan usaha-usaha ini, kita penuh berharap dan memohon untuk mendapatkan kerjasama dari semua pengguna-pengguna kapal tunda dan berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala supaya usaha yang berkebakikan ini akan mendapat keredaan-Nya jua, khusus pada mengelakkan kemalangan-kemalangan yang harus belaku di perairan-perairan yang berkenaan.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua yang berkenaan bagi menjayakan peraduan ini dan khusus kepada peserta-peserta yang telah banyak mengadakan latihan-latihan dengan doa mudah-mudahan tiap-tiap zikir yang mereka suarakan itu akan diterima sebagai amalan yang berkebakikan, sama ada mereka yang tidak mendapat kejayaan dalam merebut hadiah utama dalam peraduan ini, lebih-lebih lagi mereka yang muncul berjaya nanti.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyampaikan piala kejohanan kepada ketua pasukan yang memenangi Pertandingan Zikir Maulud antara Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

BRUNEI SHELL TANKERS TUBUH PEJABAT BARU

BANDAR SERI BEGAWAN.

Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad telah mencapai satu lagi kemajuan dengan tertubuhnya sebuah pejabat baru bagi syarikat tersebut pada 3 Disember yang baru lalu.

Pejabat yang terletak di tingkat lima bangunan Syarikat Minyak Shell di sini telah dibuka rasmi oleh Menteri Undang-Undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrain, bagi pihak Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri

Oleh Bolhassan HAB

Bolkiah, Menteri Kewangan juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah.

Pengarah Urusan Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad, Awang George Innes berharap pejabat yang baru ditubuhkan itu akan dapat membantu dalam menyediakan perhubungan dan interaksi yang baik dalam urusan syarikat dengan pihak-pihak yang berkenaan dan juga orang ramai.

Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad memiliki tujuh

buah kapal pengangkutan LNG Brunei Sendirian Berhad yang mana kini masing-masing menggunakan nama ikan tempatan Bebatik, Bekalang, Bekulan, Belais, Bilis dan Bubuk.

Ketujuh-tujuh buah kapal yang dibeli daripada Shell Tankers (UK) Limited itu masing-masing mempunyai muatan 75,000 meter padu dan digunakan bagi mengangkut gas cecair asli dari Negara Brunei Darussalam ke Jepun.

Kapal-kapal itu telah pun didaftarkan di negara ini dan menggunakan Bendera Kebangsaan Brunei Darussalam. Ianya akan terus dikendalikan oleh Shell Tankers (UK) di bawah satu kontrak pengurusan yang dibuat oleh syarikat tersebut dengan Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad.

Penghantaran yang pertama telah dibuat pada bulan Disember 1972, sejak itu projek LNG Brunei telah memperolehi satu reputasi yang kukuh bagi pembekalan yang mantap.

Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Shell masing-masing mempunyai 50 peratus saham di dalam Syarikat Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad dan kedua pihak menjadi pemilik tunggal kepada kapal-kapal pengangkut tersebut.

YANG Berhormat Menteri Perhubungan ketika berucap merasmikan Musabagh Tilawatil Quran antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan. — Gambar oleh: Pg. Abu Bakar PHO.



MENTERI Undang-Undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrain menarik tirai tanda perasmian pejabat baru Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Walau bagaimanapun menurut Yang Berhormat masih terdapat pengirim-pengirim surat yang belum memakai atau menggunakan poskod yang telah diaturnya. Perkara ini jelas Yang Berhormat boleh menjejaskan pembahagian dan penyerahan mel-mel yang diamanahkan kepada Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Perkhidmatan Pos di seluruh negara.

Awang Saini bin Haji Metussin, wakil dari Jabatan

Laut telah muncul sebagai johan. Sementara Dayang Mastura binti Haji Md. Salleh wakil dari Jabatan Penerbangan Awam memenangi tempat pertama bahagian qariah.

Mereka masing-masing menerima piala rebutan di samping hadiah iringan.

Menurut Yang Berhormat Menteri Perhubungan, kedua-dua pemenang tersebut akan menerima hadiah tambang haji dan bank drafnya sekali sekiranya

mereka memenangi sebagai johan Musabagh Membaca Al-Quran antara kementerian-kementerian yang akan diadakan kemudian.

Musabagh itu adalah kali ke-4 diadakan oleh Kementerian Perhubungan yang antara lain bertujuan menuju ke arah persefahaman dan perpaduan yang kukuh dan diredai oleh Allah Subhanahu Wataala di samping menambah lagi ibadat yang diniatkan bagi memuliakan kitab suci Al-Quran.

Dari itu, Yang Berhormat Menteri Perhubungan memohon kerjasama seluruh rakyat dan penduduk negara ini agar memastikan penggunaan poskod-poskod yang telah disediakan sebagaimana penyata-penyata yang telah dibukukan oleh Pejabat Pos seluruh negara.

Berhubung dengan perkara itu juga, Yang Berhormat menjelaskan, penyerahan mel-mel sebelum pukul 9.00 pagi kini telah pun mencapai kejayaan lebih 90%. Walau bagaimanapun tempat-tempat pendalaman yang terencil masih menerima kelambatan.

Penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang di musabagh itu telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu.

Sebelum itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Musabagh Tilawatil Quran, Yang Mulia Awang Haji Kassim bin Haji Latip, Timbalan Pengarah Penerbangan Awam.

Di awal majlis persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran telah disampaikan oleh Awang Haji Zabidi bin Haji Pandin. Selain dari itu majlis juga diserikan dengan persembahan nasyid oleh Kumpulan Nasyid Nurul Watan dari Jabatan Penerbangan Awam.

Lawatan Menteri Hal Ehwal Luar Republik Somalia ke sini

BERAKAS. — Menteri Hal Ehwal Luar Republik Demokratik Somalia, Tuan Yang Terutama Tuan Abdirahman Jama Barre baru-baru ini telah membuat lawatan selama dua hari ke negara ini.

Tuan Yang Terutama diiringi oleh tujuh orang pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Somalia dan beberapa orang pegawai dari Kementerian Pertahanan negara tersebut.

Ketibaan Tuan Yang Terutama ke negara ini dan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas pada 28 November lepas telah disambut dan dialu-alukan oleh Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar

Negeri telah berkenan menerima kunjungan muhibah Menteri Hal Ehwal Luar Republik Demokratik Somalia, Tuan Yang Terutama Tuan Abdirahman Jama Barre di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di Jalan Subok pada 30 November lepas.

Republik Demokratik Somalia merupakan salah sebuah negara Islam di Afrika Selatan. Hampir keseluruhan rakyatnya adalah beragama Islam. Dalam pada itu di akhir kunjungan Tuan Yang Terutama Tuan Abdirahman Jama Barre dan rombongan sempat meninjau akan perkembangan dan sejarah silam memasuki Agama Islam ke negara ini dengan membuat lawatan ke Pusat Dakwah Islamiah di Pulau.

Lawatan Tuan Yang Terutama dan rombongan ke pusat itu telah dialu-alukan oleh Pengarah Pusat Dakwah Islamiah, Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail dan pegawai-pegawai dari Pusat Dakwah Islamiah.



YANG Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri semasa mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Tuan Abdirahman Jama Barre di Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas (atas). Tuan Yang Terutama dan rombongan sedang mendengar penerangan mengenai sejarah Islam di Brunei oleh Pengarah Pusat Dakwah Islamiah, Awang Haji Ibrahim bin P.O.K. Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail semasa mengadakan lawatan ke pusat tersebut (bawah). — Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-410

MEMBANTU ANAK YATIM DAN JANDA YANG DALAM KESUSAHAN

MENURUT Islam bahawa membantu orang yang dalam kesengsaraan adalah wajib, dari itu Islam mewajibkan mengeluarkan zakat pada harta-harta yang tertentu dengan kadar yang tertentu di atas orang-orang Islam yang memiliki harta yang tertentu dan diwajibkan diberikan zakat itu kepada orang-orang Islam yang tertentu iaitu lapan bahagian yang telah ditentukan oleh

Allah Taala dalam Al-Quran.

Islam mewajibkan harta Baitulmal sama ada Faiun atau harta tawanan dan seumpamanya dibahagikan kepada orang-orang yang tertentu dengan dibahagikan 5 bahagian, 4/5 bahagian daripadanya kepada askar yang sedia berkhidmat bagi pertahanan negeri dan 1/5 bahagian itu dibahagikan kepada 5/5 bahagian, 1/5 bahagian diperuntukkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Selepas wafatnya Rasulullah

bahagian Baginda itu diberikan dan dibelanjakan pada masalah am umat Islam, 1/5 bahagian yang kedua diberikan kepada anak-anak yatim yang fakir atau miskin, 1/5 bahagian yang ketiga diberikan kepada fakir atau miskin, 1/5 bahagian yang keempat diberikan kepada kerabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan 1/5 bahagian yang kelima diberikan kepada Ibnu Sabil yakni kepada orang memulakan pelayaran yang tiada mempunyai belanja pelayaran dan kepada orang yang belayar yang telah putus

belanja dalam pelayarannya itu, anak-anak yatim, fakir miskin dan Ibnu Sabil dipersyaratkan tiap-tiap seorang itu terdiri dari orang Islam.

Kemudian apabila zakat tiada mencukupi atau tiada ada zakat dan apabila tiada 1/5 bahagian masalah umat Islam dari Baitulmal atau tiada dapat dikeluarkan daripadanya oleh sebab sesuatu hal dan maani', maka jika ada di sana waqaf am, nazar am, kaffarah, wasiat am dan seumpamanya, maka wajib diberi dan dibantu orang dalam kesengsaraan itu dari bahagian atau kumpulan

Siri pertama

harta-harta itu.

Kemudian apabila tiada zakat dan tiada ada 1/5 bahagian masalah umat Islam dari Baitulmal dan tiada ada sumber-sumber yang lain seperti waqaf am dan seumpamanya, maka wajib di atas orang-orang Islam yang mempunyai lebih belanja hidup bagi dirinya dan bagi orang yang di bawah tanggungannya yang wajib ia belanjakan seperti isterinya, bapanya yang fakir, atau anaknya yang kecil yang fakir,

lebih bagi masa kadar setahun, sekalipun lebih belanja itu datang dari pendapatannya yang biasa ia dapat dalam masa setahun seperti orang bergaji atau pemberian sara hidup dan seumpamanya, maka orang yang lebih belanja dari kadar masa setahun itu wajib di atasnya menolong orang dalam kesengsaraan itu.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain sedang mendengar taklimat mengenai perkembangan agama di Daerah Tutong semasa Yang Berhormat bersama beberapa orang pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan lawatan ke daerah tersebut. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Menteri Hal Ehwal Ugama lawat Daerah Tutong dan Brunei-Muara

TUTONG. — Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin dan beberapa orang pegawai kanan di kementerian tersebut telah mengadakan perjumpaan dan ramah mesra dengan pegawai-pegawai agama dan

guru-guru agama di Daerah Tutong pada hari Jumaat, 27 November lepas.

Majlis tersebut berlangsung di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain.

Majlis pada hari itu dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah dan doa yang disampaikan oleh Timbalan Kadi Besar, Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Seterusnya Yang Berhormat Pehin dan rombongan mendengar berbagai-bagai taklimat mengenai dengan perkembangan, masalah, struktur pentadbiran di Jabatan Hal Ehwal Ugama di daerah tersebut yang disampaikan oleh empat orang pegawai kanan agama di bahagian masing-masing.

Jabatan Ugama di daerah itu mengandungi enam bahagian iaitu Kadi Daerah, Pengajian Islam, Dakwah dan Tabligh, Merinyu, Baitulmal dan Zakat dan Perkuburan Islam serta mempunyai sembilan puluh empat orang

pegawai dan kakitangan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin juga telah mengadakan perjumpaan "ramah mesra" dengan pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Daerah Brunei dan Muara di Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Azim, Serasa Muara.

Yang Berhormat Pehin beserta pegawai-pegawai kanan di kementeriannya sempat mendengar taklimat mengenai perkembangan sekolah-sekolah ugama Daerah Brunei dan Muara dan pengajian ugama Islam.

Majlis perjumpaan itu bertujuan untuk mengeratkan tali persaudaraan antara kedua belah pihak di samping mendengar taklimat kemajuan yang sedang dicapai oleh kementerian itu khususnya di Daerah Brunei dan Muara.

JANGAN MAKAN IKAN TAMBAN

ADALAH dimaklumkan oleh Jabatan Pertanian bahawa terdapat beberapa ekor kucing yang telah didapati sakit setelah diberi makan ikan tamban. Penyelidikan yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan menunjukkan bahawa tidak terdapat kejadian air kemerah-merahan pada masa ini di perairan Negara Brunei Darussalam. Walaupun demikian sebagai langkah berjaga-jaga, Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dan Jabatan Perikanan telah menasihatkan orang ramai supaya tidak akan memakan ikan tamban sementara penyelidikan lanjut oleh pihak yang berwajib dilaksanakan.



AWANG Haji Tassim bin Akim, salah seorang pegawai di Kementerian Hal Ehwal Ugama sedang menyampaikan taklimat mengenai perkembangan agama Islam di Daerah Brunei dan Muara semasa lawatan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama di satu majlis taklimat yang diadakan di Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Azim, Serasa, Muara baru-baru ini. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Dewan pameran dibuka tiap-tiap hari

DENGAN ini dimaklumkan bahawa Dewan Pameran dan Penjualan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei adalah dibuka pada tiap-tiap hari seperti berikut:—

Hari Isnin — Khamis dan Sabtu (waktu bekerja) dari 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari — dari 1.30 petang hingga 4.15 petang.

Hari Jumaat dan Ahad ialah:—

Jumaat — dari 8.00 pagi hingga 11.30 pagi
dari 2.00 petang hingga 5.00 petang

Ahad — dari 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
dari 1.30 petang hingga 4.30 petang.

Pusat Pertukangan Tangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas adalah dibuka pada tiap-tiap hari dari jam 8.00 pagi hingga 5.00/9.00 petang. Pusat ini terletak di kawasan berhadapan dengan Kedai Bebas Cukai.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 9 Disember hingga ke hari Selasa 15 Disember, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Disember												
9	12.15	3.35	3.36	6.07	6.08	7.22	7.23	5.02	4.48	5.03	6.16	6.17
10	12.15	3.35	3.36	6.08	6.09	7.22	7.23	5.02	4.48	5.03	6.17	6.18
11	12.16	3.36	3.37	6.08	6.09	7.23	7.24	5.03	4.49	5.04	6.17	6.18
12	12.16	3.36	3.37	6.08	6.09	7.23	7.24	5.03	4.49	5.04	6.18	6.19
13	12.17	3.36	3.37	6.09	6.10	7.24	7.25	5.04	4.50	5.05	6.18	6.19
14	12.17	3.37	3.38	6.09	6.10	7.24	7.25	5.04	4.50	5.05	6.19	6.20
15	12.17	3.37	3.38	6.10	6.11	7.25	7.26	5.04	4.50	5.05	6.19	6.20

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Bagaimana cara menghindarkan rasa bimbang dan sunyi di masa tua

MANUSIA adalah makhluk ciptaan Allah Subhanahu Wataala yang paling sempurna serta mempunyai darjat kemuliaan yang tinggi berbanding dengan makhluk-makhluk ciptaan Allah yang lain. Di samping mempunyai akal fikiran yang bertindak sebagai penentu kemuliaan darjat itu, makhluk manusia dikurangkan dengan rupa dan bentuk jasmani yang paling seimbang sesuai dengan sifat kehidupannya yang banyak mengharungi berbagai-bagai rintangan kesusahan dan penderitaan.

Di dalam Surah At-Tiin Allah pernah berfirman yang bermaksud kira-kira: "Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia di dalam bentuk rupa yang amat baik, kemudian kami tolengkannya ke tempat yang serendah-rendah kecuali orang yang beriman dan beramal saleh, maka mereka akan memperoleh ganjaran yang tidak putus-putus."

Kehidupan makhluk manusia dengan segala keistimewaan itu adalah melalui proses masa yang berperingkat-peringkat di mana dalam masa inilah manusia itu bersiap sedia untuk memasuki peringkat yang lain.

Zaman kanak-kanak hingga ke alam remaja mereka adalah tempoh masa di mana kanak-kanak itu menikmati kegembiraan yang amat sangat. Maka pada zaman inilah ibu bapa wajib memberikan satu bentuk yang wajar sesuai dengan keperluan anak-anak itu sama ada dari segi kehidupan beragama, kehidupan bermasyarakat dan bernegara, iaitulah untuk menyiapkan diri mereka sendiri bagi memasuki alam dewasanya. Zaman kanak-kanak ini mustahak diambil perhatian, kerana di sinilah letaknya asas terpenting bentuk kehidupan mereka di zaman dewasanya.

Zaman dewasa pula adalah tempoh yang sepenuhnya untuk mencurahkan amal bakti terhadap agama, bangsa dan watan. Dalam tempoh inilah juga masa yang sebaik-baiknya untuk mengumpulkan bekalan yang cukup bagi memasuki hari-hari tua. Manakala zaman tua pula adalah masa untuk bersedia menghadapi alam kematian yang pasti akan datang kepada setiap makhluk Allah yang bernyawa.

Alam di zaman tua adalah dianggap alam yang amat pahit dan menggetirakan, kegembiraan boleh jadi telah hilang pada sebahagian orang manakala perasaan rendah diri mungkin menyelubungi kehidupannya. Pada tahap

Menuju Keredaan Allah

inilah kebanyakan manusia itu ditimpa kelalaian, tenaga semakin berkurangan, rasa sepi terpercil dan bimbang menyelubungi fikiran lebih-lebih lagi bagi mereka yang kurang persediaan untuk menghadapi hari kematian. Hidup di tengah-tengah alam tua ini memerlukan ketabahan dan kesabaran serta kesedaran yang penuh untuk menghindarkan segala macam kebimbangan dan rasa rendah diri itu.

Di sinilah letaknya betapa kesihatan jasmani dan rohani serta kewarasan akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah sewaktu masih di peringkat alam dewasa itu dipergunakan sepenuhnya dalam semua bidang yang bermanfaat. Dan sesungguhnya hanya itulah sahaja jalan yang dapat memelihara kehidupan damai dan tenteram di zaman tua tanpa rasa khuatir kepada kebimbangan, kesepian dan kekecewaan.

Bagaimanapun bagi mereka yang beriman dan beramal saleh serta yang mempraktikkan ajaran-ajaran agama, tentulah tidak ada satu pun yang harus dibimbangkan. Mereka bersedia bila-bila masa pun untuk menutup mata buat memenuhi panggilan Ilahi. Mereka tidak bimbang, tidak merasa sunyi dan rendah diri, sebaliknya sentiasa merasa bahawa kehidupan di peringkat itu masih tetap bahagia dan mengembirakan. Kematian bagi mereka — sesungguhnya bukanlah sesuatu yang menakutkan, kerana sebagaimana janji Allah mereka tetap akan menerima ganjaran baik sungguhpun mereka sudah tidak ada lagi di dunia ini.

Demikianlah ibaratnya kehidupan makhluk-makhluk manusia antara yang menggunakan sepenuhnya alam kehidupan mereka pada amalan-amalan yang bermanfaat dengan golongan manusia yang mencucikan keistimewaan keistimewaan yang diberikan oleh Allah kepada mereka. Sesungguhnya akan bahagialah mereka yang sedar dan insaf, manakala akan bimbang dan meranalah mereka yang lalai dan terlupa.

MENGINGATI MATI BERI KESEDARAN DIRI SENDIRI

MARILAH kita bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Dalam surah Al-Qiamah ayat 26-29 Allah berfirman yang kira-kira tafsirnya:

"Ingatlah bila roh sudah sampai ke kerongkong, tanyalah siapakah yang dapat menyembuhkan? Yakinih bahawa maut itu telah tiba, maka betis telah berlipisan betis, bertindih-tindih disebabkan ketakutan ketika bahaya besar datang mengancam."

Setiap orang yang hidup di dunia ini pasti akan mengalami satu peristiwa yang paling hebat, peristiwa yang tak pernah dirasai sebelumnya, itulah maut iaitu orang yang telah menemui ajal. Seringkali kita mendengar serta menyaksikan kematian, baik dari keluarga kita sendiri mahupun orang lain, kerap kali kita menghantar jenazah ke tanah perkuburan dan melihat upacara menurunkan jenazah ke liang lahad, tetapi sayangnya apa yang banyak diperkatakan di sepanjang peristiwa ini hanya mengenai hal si mati semasa hidupnya sahaja, tidak pernah diperkatakan atau dikenang bagaimana keadaan sesudah dia menjalani maut, ditinggalkan seorang diri terkujur di dalam perut bumi yang sunyi sepi.

Seseorang yang hanya asyik dengan kelazatan dan kemewahan hidup, ianya telah lupa dengan maut. Cuba kita tanyakan diri kita sendiri, dalam masa 24 jam kita hidup sehari semalam, berapa lamakah kita meluangkan masa memikirkan soal maut? Kalau kita sekarang sudah berusia 40 tahun, dalam jangka usia yang begitu lama, berapakah jumlah kita telah berbuat sesuatu untuk menghadapi maut?

Antara manusia ada yang menemui maut dengan cara yang mudah, tenang serta wajahnya kelihatan tersenyum gembira, tetapi ada pula yang menghadapi dengan cara yang amat mengerikan, kerana tersiksa seperti menghempaskan badan ke kanan dan ke kiri dengan bunyi sesak nafas naik turun yang dahsyat, mengeran dan berteriak. Amatlah jelas firman Allah dalam surah Al-Qiamah ayat 30 hingga 35 yang bermaksud:

"Pada hari itulah kamu akan dikembalikan menemui Tuhanmu, sedang kau tidak mahu menerima kebenaran dan tidak pernah mengerjakan sembahyang, bahkan sentiasa berdusta dan ingkar, kemudian dia pergi kepada keluarganya dengan penuh kesombongan, celakalah engkau dan celakalah, lagi sekali celakalah engkau dan celakalah."

Kalau ketika nazar sudah tersiksa dan menanggung penderitaan betapalah azab dan sengsara apabila rohnya menghadapi siksa akhirat yang amat dahsyat? Kedatangan maut itu memang tidak sama, ada orang yang menemuinya dengan tiba-tiba sahaja tanpa sebarang sakit terlebih dahulu dan ada pula setelah menderita sakit berminggu-minggu, berbulan-bulan bahkan ada pula yang bertahun-tahun.

Menurut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lebih baik menderita lebih dahulu, sebab semakin lama seseorang itu sakit, semakin ia bersedia menghadapinya dan semakin tebal pula imannya sehingga dia mempunyai kesempatan untuk bertaubat dan mencucikan dirinya. Oleh kerana maut itu merupakan suatu kejadian yang hebat, maka melupakan maut atau tidak mahu mengingati mati adalah merupakan suatu kebodohan, sedang mengingati merupakan suatu kesedaran tentang diri sendiri dan hakikat hidup di dunia ini. Dan mengingati mati, maka tempoh hidup yang pendek ini haruslah



digunakan dengan kerja-kerja kebajikan dan amalan yang sebaik-baiknya. Setiap waktu dan ketika dipenuhi dan digunakan untuk kebaikan diri, anak dan isteri, agama, bangsa dan negara.

Sudah seseorang itu mengalami maut dan dikebumikan maka tinggallah dia di alam barzah hinggalah datangnya dari kiamat. Setelah sampai waktu kebangkitan di mana semua manusia akan dihidupkan kembali, maka pada masa itulah dikumpulkan kembali roh dan jasad seperti sedia kala untuk menghadapi perbicaraan. Tempoh berkumpul di padang Mahsyar kerana menunggu hari perbicaraan ialah mengambil masa selama 40 tahun. Apabila cukup tempoh yang ditetapkan itu baharulah menghadapi satu ketika yang paling genting iaitu Yaumul-Hisab, di mana pada hari itu diperhitungkan Allah setiap amal yang dikerjakan oleh setiap manusia dan masing-masing menerima balasan yang setimpal dengan apa yang dilakukan semasa hayatnya di dunia ini.

Demikianlah secara ringkas peringatan mengenai peristiwa yang bakal kita hadapi, yang mana seorang pun tidak akan dikesualkan daripadanya. Oleh itu sama-samalah kita menziarahi setiap saudara kita yang sakit serta melihat orang yang sedang nazar, memberi takziah kepada keluarga yang kematian, turut menguruskan jenazah dan sebagainya, kerana kesemuanya ini merupakan cara yang boleh memberi kesan untuk mengingati mati.



SEBAHAGIAN dari orang ramai yang menghadiri ceramah agama di Pusat Dakwah Islamiah. — Gambar oleh Harun Rashid.

Lebih 400 hadir ceramah

PULAIE — Lebih 400 orang pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli persatuan, penuntut-penuntut sekolah dan orang ramai menghadiri ceramah agama di Pusat Dakwah Islamiah di sini pada malam 4

Disember lalu. Tajuk ceramah tersebut ialah 'Peranan Islam Dalam Pembangunan Ummah (Rohani dan Jasmani)' yang telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Daudi,

seorang pensyarah dari Universiti Brunei Darussalam.

Ceramah yang dianjurkan oleh Bahagian Seminar dan Persidangan, Pusat Dakwah Islamiah itu telah diakhiri

dengan sesi perbincangan.

Ceramah pada malam itu merupakan sebahagian dari siri ceramah-ceramah agama semasa yang dianjurkan oleh Pusat Dakwah Islamiah.

MENYALAHGUNAKAN DADAH MEROSAKAN FIZIKAL, MENTAL

Oleh Haniza Abdullah

BERAKAS. — Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd. Ali berkata, dadah bukanlah najis, kerana ubat-ubat bagi mengubati pesakit juga mengandung dadah.

Sehubungan dengan itu Dato Paduka Haji Mohd. Ali menyarankan penggunaan perkataan 'najis' itu patutlah diubah bahawa penyalahgunaan dadah itu adalah merbahaya kepada mental dan fizikal yang akhirnya membawa maut.

Terdahulu sebelum itu beliau menyatakan penggunaan dadah dalam ubat-ubatan ini tidaklah menjadi kesalahan kerana ianya adalah dibuat mengikut peraturan-peraturan tertentu dan dikawal mengikut arahan-arahan dari para doktor yang berkelayakan.

Berucap ketika merasmikan ceramah membasmi penyalahgunaan dadah di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini pada 3 Disember lalu, beliau menyatakan pengharaman ke atas menyalahgunakan dadah mengikut undang-undang telah berkuatkuasa pada 1 Julai, 1978.

"Pengharaman mengikut

undang-undang ialah menyalahgunakan dadah yang dikawal mengikut yang disenaraikan di bawah penggal (1), (2) atau (3) dalam senarai pertama kepada undang-undang menyalahgunakan dadah (misuse of drugs) chapter 27 yang berjalan kuat kuasanya mulai 1 Julai, 1978," katanya.

Seterusnya beliau berkata, penagih dadah adalah berbeza dengan orang-orang yang didapati bersalah kerana menyalahgunakan dadah.

Kerana menurutnya ada di antara orang-orang yang didapati bersalah itu adalah bukannya penagih dadah tetapi mungkin orang yang mengedar atau orang yang baru mencuba menyalahgunakan dadah.

"Mengapa orang boleh terperangkap oleh penyalahgunaan dadah? Sebab-sebabnya adalah banyak dan para peserta dalam ceramah ini sudah tentu akan diberikan maklum, tetapi apa yang akan saya terangkan di sini bahawa adalah memadai jika dikatakan bahawa menyalahgunakan dadah itu adalah salah dari segi undang-undang dan mendatangkan kemerbahayaan yang mungkin boleh meragut nyawa," ujarnya.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd. Ali berucap sejurus sebelum merasmikan ceramah membasmi penyalahgunaan dadah di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di Berakas baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Ceramah sehari mengenai membasmi penyalahgunaan dadah bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu adalah julung-julung kalinya diadakan oleh Bahagian Pemulihan Dadah Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, dengan tujuan untuk memberikan sedikit banyak maklumat dan penerangan dengan harapan mereka akan dapat memberikan kerjasama dalam usaha membasmi

penyalahgunaan dadah di negara ini.

Selain dari berpeluang mendengarkan ceramah-ceramah dari pihak Polis Diraja Brunei, Unit Anti Dadah, Kementerian Undang-Undang dan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, para peserta juga dibawa melawat ke Pusat Pemulihan Dadah Sementara iaitu Rumah Al-Islah di 26 Km, Jalan Pelumpang, Muara.



SEBAHAGIAN dari pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang hadir di majlis tersebut.

MAKLUMAN

DIMAKLUMKAN kepada semua ahli dan pembaca Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak, Dewan Bahasa dan Pustaka bahawa sepanjang cuti penggal persekolahan mulai 19 Disember hingga 31 Disember, 1987 perkhidmatan Perpustakaan Bergerak dihentikan buat sementara. Perkhidmatan akan dibuka semula sebaik-baik saja sekolah dimulakan pada 4 Januari, 1988.

JADUAL LAWATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN

BERIKUT ialah jadual lawatan ke kawasan-kawasan pendalaman oleh rombongan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter mulai 4 Januari, 1988.

KAMPONG	ULU	TARIKH	HARI
Lopat	Temburong	4.1.88	Isnin
Lamaling	Temburong	5.1.88	Selasa
Ukong	Tutong	6.1.88	Rabu
Sukang	Belait	11.1.88	Isnin
Belabau	Tutong	12.1.88	Selasa
Melilas	Belait	13.1.88	Rabu
Supon Besar	Tutong	18.1.88	Isnin
Long Mayan	Tutong	19.1.88	Selasa
Bukit	Tutong	20.1.88	Rabu
Teraja	Belait	25.1.88	Isnin
Apak-Apak Buau	Belait	26.1.88	Selasa
Benutan	Tutong	27.1.88	Rabu

Program-program untuk belia sedang disusun dan diselaras

GADONG. — Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan sedang merangka dan menyusun program-program belia dalam negeri dan menyelaras setiap penyertaan belia kita di luar negeri.

Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Abdul Rahman bin Haji Mohiddin berkata, matlamat negara melalui perkara itu ialah untuk melahirkan satu keadaan masyarakat yang seimbang dan stabil yang di dalamnya terdiri dari belia-belia yang progresif, dinamik, berdisiplin dan produktif dalam ertikata berguna kepada masyarakat, bangsa, agama dan negara.

Matlamat itu akan berjaya sekiranya ada sokongan, dorongan dan komitmen daripada agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan agensi bukan kerajaan seperti Majlis Belia-Belia Brunei kerana tidak sesiapa yang menafikan bahawa belia itu adalah tanggungjawab bersama, tegasnya.

Melalui Kursus Lanjutan Kepimpinan Belia, Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, berharap kursus itu akan dapat membantu para peserta dalam meningkatkan mutu dan prestasi serta keberkesanan dalam menjalankan tugas-tugas seharian.

"Saya juga yakin bahawa para peserta sekarang lebih bersedia dalam menghadapi sebarang masalah dan juga bersedia untuk menyelesaikan secara ilmiah atau 'analitikal'. Apapun teknik kepimpinan yang digunakan, terpujalah kepada kebijaksanaan dan

budi bicara seorang pemimpin itu dengan menyesuaikan dengan keadaan masa dan tempat," tambahnya.

Apa yang lebih penting katanya, ialah amalan sebagai "re-enforcement" kepada ilmu yang diperolehi melalui kursus ini. Tanpa amalan ini kursus ini tidak akan memberi sebarang manfaat kepada sesiapa pun dan kejujuran serta keikhlasan dalam menjalankan tugas-tugas harian.

"Jangan sama sekali terbawa-bawa oleh perasaan sentimen atau terpengaruh oleh kuasa, yakni 'authority' yang ada pada diri masing-masing hingga meruntuhkan diri sendiri, mencemarkan nama baik jabatan dan negara," katanya.

Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan berucap di majlis penutupan rasmi Kursus Lanjutan Kepimpinan Belia yang berlangsung di Gadong Village pada 24 November lepas.

Seramai 15 orang pegawai Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan mengahdirinya dan kursus tersebut berlangsung selama dua minggu.

Antara yang dibincangkan termasuklah cara gaya berfikir, peringkat-peringkat penting bekerja dengan orang lain, fungsi kepimpinan dan konsep amalan Melayu Islam Beraja.

Kursus itu dibimbing oleh Pengarah Cawangan Latihan dan Bimbingan Belia dan Sukan, Raja Ruslan bin Raja Samah dan Penolong, Pengarah Unit Latihan Kepimpinan Pusat Latihan Belia, PERTAK, Awang Abdul Aziz bin Hamid.

PENYAMPAIAN HADIAH KEPUJIAN SHELL

TUTONG. — Pemberian hadiah-hadiah kepujian yang disumbangkan oleh Brunei Shell bukan sahaja dihadkan kepada murid-murid sekolah malah meliputi semua institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Ke arah tujuan itu, Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad sentiasa berusaha dengan gigih dalam usaha meninggikan lagi pencapaian pendidikan di negara ini.

Awang Mohd. Said bin Ahmad, wakil Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad menegaskan demikian ketika berucap sejurus sebelum menyampaikan hadiah-hadiah kepujian Shell kepada 104 orang murid dari sekolah rendah di daerah tersebut yang telah dilangsungkan di Sekolah Rendah Tumpuan Telisai di sini pada 28 November lepas.

"Usaha-usaha yang dijalankan oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad adalah salah satu usaha yang ditunjukkan bagi memberi sumbangan ke arah meninggikan lagi pencapaian di bidang pendidikan di negara ini," tegas beliau.

Kepada murid-murid yang berjaya, Awang Mohd. Said berseru agar mereka akan menjadikan kejayaan mereka itu sebagai pendorong bagi melipatgandakan lagi usaha-usaha dalam meraih kejayaan yang lebih tinggi.

Sementara bagi mereka yang tidak terpilih, beliau menaruh harapan agar mereka akan menjadikan kejayaan-kejayaan yang diperolehi oleh rakan-rakan yang telah menerima hadiah sebagai dorongan bagi meninggikan tahap pelajaran masing-masing.

Ketua Turus Angkatan Bersenjata dianugerah Bintang Kebesaran Republik Korea

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud, Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dianugerahkan Bintang Kebesaran Republik Korea "Order of National Security Merit Tong-IL" yang disampaikan oleh Jeneral Oh Ja Bok bagi pihak Presiden Republik Korea di Seoul.

Penganugerahan itu adalah sempena lawatan rasmi Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke negara itu atas jemputan Jeneral Oh Ja Bok, Pengerusi Ketua-Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Korea bersempena dengan sambutan Hari Ulang Tahun ke-39 Angkatan

Bersenjata Republik Korea pada 1 Oktober, 1987.

Bintang kebesaran ini pada kebiasaannya dianugerahkan kepada pemimpin-pemimpin tentera yang telah memberikan sumbangan kepada negara mereka masing-masing di dalam mengeratkan lagi hubungannya dengan Angkatan Bersenjata Republik Korea.

Bintang kebesaran yang sama juga telah dianugerahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Timbalan Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam pada bulan Oktober, 1984.



TIMBALAN Menteri Pertahanan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu menerima kunjungan muhibah Ketua Turus Am Tentera Diraja Australia, Letenan Jeneral Lawren's O'Donnell — Gambar oleh Harun Rashid.

KUNJUNGAN MUHIBAH KETUA TURUS AM TENTERA AUSTRALIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad telah menerima kunjungan muhibah Ketua Turus Am Tentera Diraja Australia, Letenan Jeneral Lawren's O'Donnell pada hari Isnin 23 November lepas di pejabat Yang Dimuliakan di Berakas Garrison.

Letenan Jeneral O'Donnell diiringi oleh dua orang pegawai Tentera Diraja Australia iaitu Penasihat Pertahanan Kapten Hamon dan Pembantu Ketenteraan Letenan Kolonel P.J. Cosgrove, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke negara ini juga hadir di dalam kunjungan muhibah itu.

Ketibaan Letenan Jeneral O'Donnell dan rombongan

Oleh Dk. Saidah PO

dialu-alukan oleh Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan seterusnya Letenan Jeneral O'Donnell memeriksa barisan yang terdiri dari tiga puluh orang anggota Penanjong Garrison.

Pelawat dari Australia itu diberikan taklimat mengenai sejarah dan pentadbiran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta perdagangan dan rancangan masa depan Negara Brunei Darussalam sebelum berlepas ke Pangkalan Muara.

Letenan Jeneral O'Donnell dan rombongan tiba di negara ini pada hari Ahad 22 November lepas bagi lawatan muhibah selama tiga hari.

Sementara itu Letenan Jeneral O'Donnell dan rom-

bongan juga membuat kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu pada hari yang sama bertempat di Kementerian Pertahanan di sini.

Hadir di majlis itu ialah Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar

Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad dan Setiausaha Tetap Dasar dan Pentadbiran di Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin.

Selama berada di negara ini Letenan Jeneral O'Donnell dan rombongan telah dibawa melawat ke Markas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bag meninjau lebih dekat lagi kegiatan dan perkembangan angkatan tersebut.

DIANUGERAHKAN BINTANG KEBESARAN THAILAND

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan bersama rombongan yang terdiri dari 13 orang pegawai telah kembali ke tanahair selepas menjadi tetamu di hari perayaan ulang tahun keputeraan Duli Yang

Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand yang ke-60 tahun dan Hari Kebangsaan Thailand.

Yang Amat Mulia bersama tiga orang ahli rombongan telah dianugerahkan bintang bagaimana cara-cara mengukuhkan jabatan itu dan Pejabat Mencegah Rasuah.

Lawatan Yang Berhormat ke republik itu disertai oleh isteri, Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Dato Matnoor dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Seruddin.

LAWATAN KE REPUBLIK SINGAPURA BERJAYA

Dari muka 1

hubungan antara kedua buah negara hasil daripada pertukaran lawatan antara menteri-menteri kabinet Brunei Darussalam dan Singapura," kata Yang Berhormat Pehin ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini setibanya dari Republik Singapura, pada 14 Disember lepas.

Yang Berhormat memberitahu bahawa lawatannya ke republik itu sempat menemui Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, Tuan Goh Chok Tong, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri

merangkap Menteri Pembangunan Negara, Tuan S. Dhanabalan dan Profesor Jayakumar.

Yang Berhormat sempat meninjau lebih dekat lagi Jabatan Imigresen Singapura bagaimana cara-cara mengukuhkan jabatan itu dan Pejabat Mencegah Rasuah.

Lawatan Yang Berhormat ke republik itu disertai oleh isteri, Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Dato Matnoor dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Seruddin.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad, Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei semasa dianugerahkan Bintang Kebesaran Republik Korea yang disampaikan oleh Jeneral Oh Ja Bok, Pengerusi Ketua-Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Korea. — Gambar ihsan Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam.



RANCANGAN Pertukaran Perpustakaan ASEAN selama 11 hari telah berakhir dengan membuat penilaian khusus di bidang perpustakaan. Seramai enam orang pegawai kanan perpustakaan dari negara-negara ASEAN telah menyertai rancangan tersebut. Penilaian itu telah dipengerusikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi seperti yang kelihatan dalam gambar. — Gambar oleh Pg. Bahar PHD.

PERWIRA harapan bangsa bersedia menabur jasa pada negara dan bangsa yang dicintai. Bila memperkatakan hasrat itu, kita tidak lari dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang merupakan satu-satunya pasukan keselamatan yang ulung di negara ini.

Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ditubuhkan kira-kira 26 tahun yang lalu dengan pengambilan pertamanya seramai 60 orang yang dilatih di Port Dickson, Malaysia iaitu 31 Mei, 1961, di mana ke semua bakal perajurit Brunei telah tiba di sana untuk menghadiri perkumpulan perasmian untuk penubuhan Askar Melayu Brunei.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kini mempunyai 4,000 orang anggota dengan peranannya yang penting:

- *Mencegah sebarang ancaman dalam mempertahankan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.
- *Membantu Pasukan Polis Diraja Brunei dalam gerakan keselamatan dalam negeri jika diperlukan.
- *Menjalankan serangan balas pemberontakan dalam dan luar negeri.
- *Bertahan terhadap pencerobohan luar (secara terhad).
- *Memberikan bantuan dan perkhidmatan awam.



KAPTAN Awang Haji Mohammad



SALAH seorang bakal sukarelawan.



AWANG Murad

Oleh Dk. Fatimah PHMN

KEMATANGAN

Dalam usianya yang masuk ke-26 tahun itu, angkatan bersenjata negara kita telah berkeupayaan menunjukkan kemampuan dan kecekapan tersendiri yang cekal dalam setiap aspek ketenteraan bagi menjamin dan memastikan kedaulatan serta pertahanan tanahair sentiasa dalam keadaan terpelihara dan terkawal.

Hasil dari kematangan itu angkatan tentera kita ialah wujudnya ketenteraman dan keamanan yang berterusan bagi membolehkan rakyat dan penduduk hidup rukun damai, saling bantu-membantu di samping sentiasa bersedia setiap ketika menghulurkan kerjasama. Sikap kerjasama memang menjadi tradisi kita antara rakyat dan penduduk dan kerajaan dan antara orang ramai dan anggota tentera.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah, bahawa angkatan bersenjata kita telah mencapai peringkat dewasa. Titah baginda, adalah menjadi tanggungjawab bersama terutama anggota tentera dan orang ramai khususnya menjadikan angkatan bersenjata kita benteng yang benar-benar berkesan dan mempunyai kewibawaan dalam menjamin keselamatan negara yang dicintai ini.

Hasrat tersebut telah berhasil dan akan dikemaskinikan. Antaranya ialah Penubuhan Pasukan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei pada 27 November lalu. Penubuhannya berasaskan kehendak untuk memperkuat pertahanan negara ini dan peranannya sebagai "Pasukan Tambahan" sebagai tulang belakang pertahanan negara, pelapis di dalam apa jua pergerakan dan pengawal barisan pertahanan belakang.

Tujuan penubuhan askar simpanan ialah untuk mendapatkan sumber tenaga tentera tambahan yang terlatih pada membantu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan bersabda penerimaan bakal ahli simpanan nanti adalah satu pengurniaan kepercayaan di dalam mengikat pertahanan negara ini, yang merupakan ikrar pahlawan yang menempatkan bakti kepada negara sebagai 'puncak perkhidmatan' seorang perajurit yang melimpasi kepentingannya sendiri.

Tentera simpanan adalah satu pasukan tentera yang termasuk di dalam takrif "ir-

SUKARELAWAN AKAN TABUR JASA DALAM PASUKAN ASKAR SIMPANAN



BAKAL-BAKAL ahli pasukan askar simpanan sedang memilih pakaian tentera yang akan mereka pakai. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

regular". Sebagai askar tambahan atau pembantu kepada tentera ianya mempunyai skim perkhidmatan yang berbeza, walaupun di dalam latihan dan kebolehan kecekapan adalah sebanding. Ianya juga diambil sebagai kerahan sukarela atau wajib yang separuh masa, jika dibandingkan dengan tentera biasa sepenuh masa.

Ini juga telah disentuh oleh Pegawai Unit Hal-Ehwal Bekas Perajurit, Kementerian Pertahanan, Kapten Haji Mohammad Sultan bin Haji Ibrahim ketika ditemubual. Beliau melahirkan rasa sukacitanya terhadap peluang yang diberikan kepada bekas perajurit-perajurit untuk menyumbangkan tenaga berjasa kepada bangsa dan tanahair dan akan bergiat lagi memberikan tenaga yang

baru untuk menjadi ahli pasukan simpanan ini. Dan penubuhannya adalah kena pada masa dan ketikanya semenjak negara kita mencapai kemerdekaan yang penuh dan berdaulat.

"Saya bagi pihak Unit Hal-Ehwal dan Markas Simpanan kepada mereka yang menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan akan memahami bahawa pertahanan sesebuah negara bukanlah terletak kepada angkatan bersenjata sahaja malah kepada orang ramai dan bekas perajurit-perajurit," tegasnya.

Dua orang bekas perajurit angkatan bersenjata telah menanamkan rasa minat

mereka untuk berkhidmat semula kepada negara untuk menjadi askar simpanan. Mereka ialah Awang Murad bin Haji Metussin dan Awang Metussin bin Haji Tahir.

Awang Murad kini bertugas di Pejabat Daerah Temburong memasuki angkatan bersenjata pada tahun 1981 hingga 1986. Beliau dengan dada yang terbuka ingin meneruskan berkhidmat di angkatan bersenjata.

"Saya meminati bidang tentera sejak kecil dan ingin bercita-cita jadi tentera lagipun kerjaya ini sudah tentu akan melatih kita berdisiplin, bertanggungjawab kepada negara dan bangsa yang bukan hanya diletakkan di bahu angkatan bersenjata malah keselamatan adalah tanggungjawab bersama," katanya.

Bagi Awang Metussin bin Haji Tahir, penyertaan orang ramai di bidang ketenteraan agak berkurangan, melalui askar simpanan setentunya akan menambahkan tenaga yang menjadi pelapis dan tulang belakang pertahanan negara. Bagi beliau ini adalah peluang keemasan yang ditunggu-tunggu sejak pengisytiharan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri. Kini kira-kira 300 orang sukarelawan telah mendaftar bagi menyahut seruan negara yang murni ini.

Awang Metussin berpendapat, pertahanan negara terletak pada sikap dan disiplin ketenteraan yang tinggi yang perlu menyerap dan sehati dalam jiwa setiap anggota tentera. Disiplin ketenteraan dengan mematuhi peraturan-peraturan dan tata tertib. Sikap ini perlulah dijiwai dan ditanam pada setiap anggota untuk menjamin nilai suci dan keperwiraan murni kita.

Kematangan yang ditunjukkan oleh angkatan bersenjata akan dipertahankan dan dimajukan agar keamanan dan ketenteraman dapat dikekalkan. Ini secara tidak langsung akan memberikan galakan atau dorongan kepada orang ramai terhadap aktiviti-aktiviti anggota tentera kerana orang ramai tidak dapat dipisahkan dengan tentera.

Langkah-langkah ke arah mempertingkatkan bidang ketenteraan sedang di kemaskinikan dengan penggunaan kelengkapan-kelengkapan moden dan mempunyai teknologi yang tinggi.

Latihan di bidang ketenteraan akan terus dipertingkatkan dan terus menerus diambil kira untuk dipelajari oleh mana-mana anggota yang bersesuaian. Ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan sikap kepahlawanan di kalangan anggota tentera kita.



KESIBUKAN semasa pendaftaran pengambilan pasukan askar simpanan yang diadakan di Berakas Garison baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

RANCANGAN-RANCANGAN RADIO BRUNEI 1988

HANYA dalam beberapa minggu ini saja lagi kita semua akan meninggalkan tahun 1987. Selepas ini pula tahun 1988 akan mula ditempo. Seperti kebiasaannya dalam kehidupan setiap manusia perancangan awal dan azam hidup baru telah pun mula direncanakan. Pengalaman-pengalaman lalu yang di tempohi dapat dijadikan pengajaran dan panduan bagi menghadapi penghidupan masa depan.

Mengenai dengan perancangan-perancangan ini awda semua ingin kami sorotkan dengan beberapa perkembangan baru yang akan diusahakan oleh pihak Radio Brunei. Ini adalah sebagai mengimbangi di antara perkembangan pesat penyiaran dengan kehendak dan citarasa pendengar radio di negara ini. Kerana seperti yang sudah kita maklumi selama ini Radio Brunei adalah merupakan satu-satunya media kerajaan yang dapat menemui pendengar-pendengarnya di mana-mana saja di negara ini.

Mudah dan percuma-nya perkhidmatan Radio Brunei mendampingi awda semua di negara ini adalah timbul dari sikap dan kemahuan kerajaan, untuk menjadikan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam ini menghadapi hidupnya dengan penuh selesa. Selesa bekerja, selesa mencari ilmu, selesa beribadah, selesa berurusan dan bermacam-macam lagi kegiatan hidup seharian dihadapi dengan aman dan tenteram tanpa gangguan emosi. Satu-satunya media kerajaan yang dapat memenuhi kehendak ini semua hanyalah menerusi Radio Brunei. Keperluan rancangan yang dimuatkan di Radio Brunei dapat memberikan kesan timbal balik kepada pendengarnya.

Sepanjang tahun 1987, Radio Brunei telah mencorakkan berbagai-bagai rancangannya. Sejauh yang diketahui oleh pihak Radio Brunei masyarakat pendengar telah memberikan kesan timbal balik yang agak baik dan ber-

sifat lebih positif lagi. Justeru itu pula, pihak Radio Brunei tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih di atas penghargaan dan juga kerjasama awda pendengar semua, kerana meletakkan media penyiaran kesukaan awda ini di tempat yang baik dan terhormat.

Apakah pula imbalan dari sikap positif awda itu? Tentu ada! Sebenarnya banyak yang hendak kami sampaikan dalam ruangan Radio Minggu Ini. Tentu ianya mengembirakan hati awda. Perkembangan rancangan-rancangan Radio Brunei bagi tahun 1988 lebih bercorak baru dan diperkembangkan. Sesuai dengan perkembangan penyiaran masa kini yang bersifat menghibur, memberi maklumat dan mendidik.

Antara rancangan-rancangan baru yang akan ditonjolkan oleh pihak Radio Brunei pada tahun 1988 yang akan datang ini ialah 'Pesta Ria' ke

daerah-daerah. Rancangan ini adalah berbentuk rancangan hiburan pentas. Secara terus-menerus ianya juga dapat diikuti dari peti-peti radio awda. Rancangan ini mungkin akan diadakan sebulan sekali di ke empat-empat daerah di negara ini. Matlamat utamanya adalah untuk memberikan pelbagai hiburan seperti nyanyian, muzik, lawak jenaka dan lain-lainnya kepada awda semua.

Rancangan-rancangan Radio Brunei yang baru ini semuanya adalah merupakan rancangan-rancangan yang dapat memberikan rasa kepuasan kepada peminat radio di negara ini. Kerana sebelum rancangan-rancangan ini disiarkan ianya telah pun difikirkan dan dipersoalkan secara terperinci oleh pihak Jabatan Penyiaran dan Penerangan. Justeru itu, awda semua harus memberikan perhatian yang lebih baik terhadap setiap perkembangan baru yang diusahakan oleh pihak Radio Brunei. Tunggu dan temuilah lagi Radio Brunei pada tahun 1988 dengan acara-acara rancangan yang baru dan mengembirakan awda!

Sudut Remaja

KELUARAN minggu ini kita akan dihiburkan dengan lagu-lagu persembahan dari Hamisah Mohd. Noor.

Ikutilah persembahannya pada hari Isnin 14 Disember, 1987, jam 4.00 petang.



Sandiwara Radio:

"Cahaya"

MINGGU ini Sandiwara Radio berjudul CAHAYA, tulisan Santa, Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Sebuah kisah sedih yang bertemakan kekeluargaan. Seorang wanita yang bernama Maria tiba-tiba muncul dalam kehidupan Mimi dan adiknya Amin. Malangnya Maria sering datang tidak bertepatan dengan waktunya. Mimi yang hendak ditemui secara kebetulan tidak pernah berada di rumah waktu ia datang berkunjung.

Walaupun begitu, Maria tidak pernah berputus asa. Ia terus mencuba dan mencuba sehingga ia berjaya menemui Mimi. Sementara untuk menemui Amin pula sudah tidak menjadi masalah lagi, kerana ia dapat ditemui di sekolahnya.

Mimi dan Amin yang selama ini tinggal bersama seorang nenek sudah me-

rasa bahagia dengan apa yang ada pada mereka. Bagi Mimi, seorang wanita yang mempunyai tali lalat besar di pipi yang datang untuk menemui mereka itu, sudah tidak perlu bagi mereka, malah mungkin akan merosakkan kebahagiaan mereka. Kita tiba pada klimaks cerita ini bila Mimi tiba-tiba pengsan dan dibawa ke rumah sakit. Rupanya ia mengalami sakit buah pinggang. Dalam keadaan tidak sedar ia dibedah dan satu buah pinggang yang didermakan oleh seseorang telah menggantikan kedua-dua buah pinggangnya yang tidak berfungsi lagi.

Siapa penderma itu? Ikutilah kisah menarik ini nanti melalui siarannya pada 13 Disember, 1987 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Hj Abd Rahman.



Tetamu Radio

PADA hari Ahad ini jangan lupa untuk mengikuti temubual kami bersama Maureen Santiago pada jam 4.30 petang, menerusi rancangan Tetamu Radio. Sementara ulangannya pada hari Rabu 16 Disember, 1987 jam 2.00 petang.

Mari Memasak:

Paha Ayam Goreng Palsu

BAHAN-BAHANNYA :

- 12 sayap ayam
- 2 biji telur (dipukul)
- 1 cawan serbuk roti
- 1 cawan tepung gandum
- Minyak untuk menggoreng.

BAHAN UNTUK MEMERAM :

- 1 sudu teh serbuk kunyit
- 3 sudu teh perahan halia
- 1 sudu teh gula
- 1 sudu teh serbuk lada Garam, lada sulah dan serbuk perasa secukupnya.

UNTUK HIASAN :

- Daun parsely
- Lada hidup
- Aluminium Foil.

CARA-CARA MEMBUATNYA :

1. Basuh dan bersihkan sayap ayam.
2. Potong sayap ayam kepada dua bahagian. Jadikan isinya menjadi seperti paha ayam iaitu dengan mengumpulkan isinya pada sebelah saja. Dan buatlah begitu sehingga habis.
3. Peramlah dengan bahan-bahan yang digaul da-

hulu untuk diperam selama 30 minit atau lebih.

4. Sebelum menggoreng, celuplah isi ayam tersebut dengan tepung, telur dan serbuk roti.

5. Kemudian goreng sehingga menjadi kemerah-merahan. Kemudian angkat dan toskan.

6. Setelah itu hiaslah pada kepala tulang ayam tersebut dengan Aluminium foil yang telah dibuat untuk penghias.

7. Hiaslah dengan daun parsely dan lada hidup merah. Hidangkan panas-panas dengan sos cili.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV

MINGGU INI

RABU 9 Dis.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ADVENTURES OF LITTLE KOALA
- 5.00 A WHOLE WORLD OF CHILDREN
- 5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Rick Gordon One Man Army"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MY SISTER SAM: "Exposed"
- 6.08 AZAN MAGHRIB
- 6.13 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.23 MY SISTEM SAM — sambungan
- 6.35 ANIMAL IN ACTION: "Fish" (Episod akhir)

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 FILLER
- 7.23 AZAN ISYAK
- 7.29 BIMBINGAN ISLAM
- 7.39 SMALL WONDER: "Double Wedding" (Episod akhir)
- 8.05 RAG TO RICHES (Siri baru)
Sebagai usaha untuk menarik perhatian orang ramai, jutawan Nick Foley mangasuh enam orang gadis yatim piatu. Hasilnya adalah sebuah siri yang menyeronokkan dan pembaharuan yang menggabungkan nilai kekeluargaan komidi dan lagu-lagu yang dikaitkan rapat dengan drama tersebut.
- 8.55 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT PELITA
- 9.30 LIPUTAN NASIONAL
- 10.00 MUSICAL: "Top Of The Pops"
- 10.50 THE COLBYS: "Devil's Advocate"
Phillip menjadi cemas apabila keluarga Colby menyual tentang kehidupan lampauanya, dan apabila seorang pemungut wang menagih hutang yang sudah lama belum dijelaskan; Maya, bekas kekasih Phillip memberi penjelasan pada Jason tentang Hoyt Parker.
- 11.50 SIARAN TAMAT.

KHAMIS 10 Dis.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 HEATHCLIFF
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 HEATHCLIFF — sambungan
- 6.09 AZAN MAGHRIB
- 6.14 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.24 CHEMISTRY IN ACTION
- 6.35 SUPERGRAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 FILLER
- 7.23 AZAN ISYAK
- 7.29 BIMBINGAN ISLAM
- 7.38 THE CHARMINGS
- 8.05 HUNTER: "Chance Partners And Dance"
Hunter dan Dee Dee mesti bekerja secara bersendirian dalam penyiasatan ke atas pembunuhan seorang anggota polis setelah mereka diceraikan oleh ketua mereka yang baru.
- 8.55 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIDAYAT
- 9.55 DUNIA MINGGU INI
- 10.25 MAGNUM P.I.: "Aunt Who Come To Dinner" (Episod akhir)
Magnum telah didatangi oleh emak saudaranya, Aunt Phoebe yang terkenal kerana memenangi hadiah pengarang drama dan kemudian mengetahui bahawa dia mengidap penyakit Alzheimer. Aunt Phoebe memberitahu Magnum bahawa ada orang yang cuba hendak membunuh dan mengekorinya hingga ke Hawaii dan Magnum menyatakan bahawa ia ingin menjaga dan menyelamatkan Aunt Phoebe.
- 11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Octagon"
- 12.50 SIARAN TAMAT.

JUMAAT 11 Dis.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
- 12.25 HIDAYAT — ulangan
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.50 HIDAYAT — sambungan

PETANG

- 1.00 SEARCH FOR ADVENTURE: "Off The Edge"
- 1.50 SABER RIDER AND THE STAR SHERIFFS: "All That Glitters"
- 2.15 SUKAN DUNIA
- 3.37 AZAN ASAR
- 3.42 AL-KISAH
- 4.00 MICKEY AND DONALD
- 4.25 PROJECT U.F.O.: "The Devilish Davidson Lights"
- 5.15 PLACE AND PEOPLE
- 5.40 THREE UP TWO DOWN: "Major Inconvenience"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THREE UP TWO DOWN — sambungan
- 6.09 AZAN MAGHRIB
- 6.14 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.24 THREE UP TWO DOWN — sambungan
- 6.30 THE MAKING OF... "Secret Admirer"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 FILLER
- 7.24 AZAN ISYAK
- 7.30 BIMBINGAN ISLAM
- 7.40 REKASENI
- 8.05 MACGYVER: "Bushmasters"
MacGyver dipanggil untuk menolong menyelamatkan seorang juruterbang pesawat kargo berbangsa Amerika yang ditahan di Amerika Tengah atas tuduhan mengintip.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 FORUM: "Peranan Kerajaan Dalam Memberikan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat Di Negara Ini" (Episod akhir)
- 10.20 FALCON CREST: "Top Spin"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

SABTU 12 Dis.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 WORLD OF SURVIVAL: "Little Game"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 ALF (Episod akhir)
- 6.09 AZAN MAGHRIB
- 6.14 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.24 ALF — sambungan
- 6.30 MY LITTLE PONY AND FRIENDS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 FILLER
- 7.24 AZAN ISYAK
- 7.30 BIMBINGAN ISLAM
- 7.40 PERFECT STRANGERS: "Knock, Knock... Who's There"
- 8.05 HOT SHOTS: "Writ Of Habeas Corpse"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 ANEKARIA
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Buah Hati Mama"
- 11.55 EVIL TOUCH
- 12.50 SIARAN TAMAT.



SAM Elliot bintang utama "GONE TO TEXAS" yang akan dapat awda saksikan pada tiap-tiap hari Ahad kira-kira jam 10.45 malam.

AHAD 13 Dis.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.17 AZAN ZUHUR
- 12.21 MUSICAL

PETANG

- 1.15 BIG LEAGUE SOCCER
- 2.15 TAYANGAN GAMBAR
- 3.37 AZAN ASAR
- 3.42 SILVERHAWKS: "Cotbucks"
- 4.10 DRAMA
- 4.55 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL — sambungan
- 5.55 CENTURIONS: "Ghost Warrior"
- 6.10 AZAN MAGHRIB
- 6.15 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.25 CENTURIONS — sambungan
- 6.30 ONE BIG FAMILY: "The Matchmaker"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 FILLER
- 7.25 AZAN ISYAK
- 7.31 BIMBINGAN ISLAM
- 7.40 WHAT A COUNTRY! "The Road From Morocco" (Episod akhir)
- 8.05 MATLOCK: "The Reporter"
Bukan sahaja Laurie Palmer yang muda itu kebingungan dan bersedih apabila mendapati rumahnya terbakar dan suaminya mati, tetapi ia juga dituduh membunuh suaminya itu.
- 8.55 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT ASIA
- 9.55 BINTANG RTB 1987 — Separuh Akhir No. 2
- 10.45 GONE TO TEXAS (Siri baru)
Amerika Barat telah banyak melahirkan legenda-legenda tetapi tidak ada yang lebih hebat dari cerita benar kehidupan Sam Houston (1793-1863), seorang wira di perbatasan dan ahli politik yang berani serta pandangannya yang tajam telah membantu mewujudkan sebuah Republik dan kemudiannya sebuah negeri ia itu Texas.
- 11.35 HITCH HIKER: "O.D. Feelin"
- 12.10 SIARAN TAMAT.

ISNIN 14 Dis.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 THE ALPHABET GAMES: "The Letter E & G"
- 4.45 BITS AND PIECES: "Chickens And Hens"
- 4.55 ONCE UPON A TIME... MAN: "And The Earth Was Created" (Siri baru)
- 5.20 DISAPPEARING WORLD: "Law Of The Solomon Island"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 DISAPPEARING WORLD — sambungan
- 6.10 AZAN MAGHRIB
- 6.15 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.25 DISAPPEARING WORLD — sambungan
- 6.30 THE EDISON TWINS (Episod akhir)

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 FILLER
- 7.25 AZAN ISYAK
- 7.31 BIMBINGAN ISLAM
- 7.41 DIFFERENT STROKES: "Love On The Run" (Siri baru)
- 8.05 DEAD ENTRY
- 8.55 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 SUPERSTAR OF WRESTLING
- 10.50 TAYANGAN GAMBAR: "Mr Inside Mr Outside"
Cerita yang penuh dengan debaran ini berlatarbelakangkan lorong-lorong liar di New York, mengisahkan tentang dua orang pegawai polis kota yang cekal yang menggunakan kaedah yang baharu tetapi berkesan dalam usaha membentasi kegiatan penyeludup berlian antarabangsa.
- 12.30 SIARAN TAMAT.

SELASA 15 Dis.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SEABERT
- 4.40 SQUARE ONE
- 5.10 JEM
- 5.35 O-LA-LA
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 O-LA-LA — sambungan
- 6.11 AZAN MAGHRIB
- 6.16 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.26 O-LA-LA — sambungan
- 6.30 ZERO ONE MAGAZINE

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 FILLER
- 7.26 AZAN ISYAK
- 7.32 BIMBINGAN ISLAM
- 7.42 MARI MEMASAK: "Paha Ayam Goreng Palsu"
(Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
- 8.05 AIRWOLF: "Code Of Silence"
St. John Hawke cuba memastikan seorang komander dari angkatan tempur udara khusus yang dituduh membunuh juruterbangnya akan mendapat pembicaraan yang adil.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 BELIA
- 9.45 ARENA SUKAN
- 10.45 HANLON
- 11.45 SIARAN TAMAT.



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PENGAMBILAN WANITA YANG KE-14 BERAKHIR PADA 14 DISEMBER 87

**IKUTILAH JEJAK LANGKAH KAMI, PERTIWI GAGAH
BERSEMANGAT WAJA**



BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK
DI TANGAN AWDA**

Mendaftarlah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Bolkiah Garison
Negara Brunei Darussalam

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Dayang-Dayang mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan Tiga Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun dan masih bujang.
4. Berat badan tidak kurang dari 44.10 kg. tinggi tidak kurang dari 1.45 meter dan berbadan sihat.
5. Dayang-Dayang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh ABDB.
6. Dayang-Dayang hendaklah dari salah satu puak seperti berikut: Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.

Nama :
No. Kad Pengenalan : Warna :
Tarikh Lahir : Umur :
Alamat Sekarang :
Kelulusan Sekolah :
Nama Ayah/Penjaga :
No. Kad Pengenalan : Warna :
Tarikh Lahir : Tempat Lahir :
Alamat Sekarang :
No Telefon Rumah/Pejabat :
Tandatangan : Tarikh :

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

- 1) **SERANG TINGKAT I:** (Bilangan Kod: 060 98-131)
(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)
Tanggagaji: D. 3 EB. 4 — \$900-\$1465 sebulan.

Kelayakan:

Pemohon-pemohon mestilah:

- Berumur tidak kurang dari 23 tahun.
- Mempunyai Certificate of Competency as Mate of Local Trade Ship.
- Mempunyai perkhidmatan sebagai Serang Tingkat II tidak kurang daripada dua tahun dan pernah mengendalikan kapal-kapal sekeru satu dan sekeru kembar sekurang-kurangnya 40 kaki panjang.
- Mempunyai pengetahuan yang baik tentang perairan-perairan yang boleh dilayari dan air pasang-surut pantai dan sungai-sungai Brunei.
- Mempunyai kualiti seorang ketua dan boleh mengurus dan mengawasi kakitangan yang di bawah jagannya dalam melaksanakan tugas-tugas mereka.
- Boleh menulis laporan-laporan, menyediakan senarai kerosakan-kerosakan dek dan membuat draf inden untuk stor dan alat-alat pemasangan.

Lain-lain Syarat:

Pemohon-pemohon bagi jawatan ini dikehendaki menjalani satu ujian lesen dan praktikal yang akan diadakan di Jabatan Laut bagi menentukan kelayakan memegang jawatan ini.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Memerintah kapal yang panjang sehingga 60 kaki atau bertugas selaku pegawai pengawas kanan dek di kapal yang panjang sehingga 90 kaki atau selaku pegawai pengawas rendah dek di kapal yang panjang lebih 90 kaki.

- 2) **PEKERJA PEMULIHAN DADAH TINGKAT II:** (Bilangan Kod: 098 19-356)

(Di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Unit Pemulihan Dadah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Berumur di antara 20 tahun hingga 30 tahun.
- Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- Kebolehan menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- Pengalaman dalam kerja-kerja sukarela kemasyarakatan dan sebagainya adalah diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Membantu menyediakan urusan suaikekal bagi penghuni baru.
- Menolong dalam hubungan 'follow-up' dengan bekas penghuni.
- Membantu menyediakan laporan latarbelakang sosial penagih dadah.
- Membantu menyediakan laporan kemajuan penghuni.
- Lain-lain arahan dari penguasa pusat.

- 3) **JURUTEKNIK JENTERA:** (Bilangan Kod: 004 03-525)

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: D. 3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- City and Guilds Intermediate Certificate dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan dalam bidang berkaitan dengannya.
ATAU
- Sijil City and Guilds in Basic Engineering atau yang sebanding dengannya serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
ATAU
- Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta berpengalaman dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta sebagai Mekanik atau Tradesman tidak kurang daripada tiga tahun.

ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta lima tahun perkhidmatan dalam bidang kerja yang berkaitan.
- Pengalaman praktikal membaiki kenderaan termasuk mesin-mesin kecil beaver, mesin-mesin rumput dan mesin-mesin petrol dan diesel (mesin ladang) adalah merupakan satu kelebihan.
- Mempunyai lesen memandu kelas 2, 3, 5 dan 11 (sebelas) adalah satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Membantu dan menjalankan tugas-tugas Ketua Pengawas semasa ketiadaannya.
- Bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengawas atau Ketua Bahagian.
- Melaksanakan pemeliharaan, keselamatan dan kebersihan jentera-jentera dan alat kelengkapan pertanian.
- Mestilah sanggup keluar menjalankan tugas dan mengikuti pengajaran bila masa dikehendaki.

- 4) **PEMBANTU DEK:** (Bilangan Kod: 060 98-110)

(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji: F. 3-4-5 EB. 6 — \$550-\$790 sebulan.

Kelayakan:

- Sijil Rendah Pelajaran dan bekerja di perkhidmatan laut selama tiga tahun.
ATAU
- Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pelaut Pelatih tidak kurang dari tiga tahun.
- Umur tidak kurang dari 18 tahun dan boleh berenang.
- Sihat tubuh badan, serta mempunyai penglihatan yang baik dan lulus ujian penglihatan mata.
- Sijil kecikapan sebagai Mate of a Coastal Trade

Ship atau Sijil yang lebih tinggi adalah menjadi kelebihan.

- 5) **TUKANG PELAN:** (Bilangan Kod: 095 03-293)

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
ATAU
- Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan tidak kurang dari lima tahun dalam bidang yang berkaitan.
- Mestilah terdiri dari seorang Tukang Pelan yang kemas, teliti dan pantas, serta boleh menyediakan pelan yang lengkap bagi keraja kejuruteraan telekom.
- Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan mempunyai pengalaman yang begitu luas dalam hal-hal melukis pelan adalah diutamakan.

- 6) **PENYELENGGARA STOR TINGKAT II:** (Bilangan Kod: 095 39-142)

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji: D. 2 EB. 3-4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan:

- Empat mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding.
- Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama lima tahun dan mempunyai Laporan Prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.
- Berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan pembelian alat-alat akan diberi keutamaan.
- Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

- 7) **OPERATOR TELEGRAF:** (Bilangan Kod: 095 38-042)

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Pemohon-pemohon mestilah lelaki.
- Satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- Kebolehan bertutur Bahasa Inggeris dan Melayu dengan baik.

- 8) **PEMBANTU PERKEMBANGAN AGAMA:** (Bilangan Kod: 112 14-139)

(Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)

Tanggagaji: D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- Calon-calon hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan berikut:
 - Mempunyai Sijil Pelajaran Agama, Brunei.
 - Empat mata pelajaran termasuk Agama Islam Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran Brunei serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Agama.
 - Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dengan syarat lulus mata pelajaran pengetahuan Agama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Agama dan telah berkhidmat dengan kerajaan sekurang-kurangnya selama tiga tahun dan mempunyai pengalaman dan kebolehan salah satu bidang-bidang berikut bolehlah juga dipertimbangkan.
 - Hal Ehwal Penerangan Agama.
 - Urusan-urusan Pengislaman.
 - Menyediakan skrip-skrip untuk siaran.
 - Urusan Penerbitan Buku-buku Agama.
 - Bersyarah dengan baik.
- Hendaklah tahu membaca dan menulis jawi.
- Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat dengan kerajaan tidak kurang dari lima tahun dalam perkhidmatan dan mempunyai pengalaman dalam satu daripada bidang-bidang yang dinyatakan di cerai (b), (iii) i hingga di atas boleh juga dipertimbangkan.

- 9) **PENOLONG PEGAWAI TRAFIK TELEKOM:** (Bilangan Kod: 095 35-979)

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Tiga mata pelajaran termasuk Matematik Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.
ATAU
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei dengan kepujian dalam mata pelajaran Ilmu Hisab dan tiga tahun dalam perkhidmatan kerajaan.
ATAU
- Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam bidang kerja Trafik Telekom tidak kurang dari lima tahun.

- 10) **PENGOREK RENDAH:** (Bilangan Kod: 060 97-437)

(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji: D. 4-5 EB. 6 — \$1225-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Memegang Sijil Kecikapan sebagai Mate of Local Trade Ship.
- Sedang dan telah berkhidmat sebagai Serang Tingkat II tidak kurang dari lima tahun.
- Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja pengorekan dengan menggunakan kapal-kapal korek jenis sedut.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Membantu Penolong Ketua Pengorek dalam kerja-kerja pengorekan di kapal pengorek jenis SH kepunyaan jabatan ini.
- Jika ditugaskan di kapal pengorek kecil, akan mengetahui kerja-kerja pengorekan di kapal tersebut.
- Lain-lain tugas yang diatitkan oleh Penolong Ketua Pengorek dari masa ke semasa.

- 11) **ATENDAN PESAWAT HELIKOPTER:** (Bilangan Kod: 059 96-915)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.
ATAU
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- Berpengalaman dalam kerja-kerja pembersihan Helikopter bergaji hari atau pengalaman yang lain bersangkut-paut dengan tugas-tugas di atas adalah satu kelebihan.
- Fasih bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Berumur antara 18 hingga 26 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Untuk menentukan pesawat-pesawat helikopter semasa dalam keadaan bersih dan tahu menggunakan bahan kimia dengan betul bagi mencuci pesawat yang baharu balik dari membuat tugas sebelum dimasukkan ke hangar. Menentukan pesawat helikopter yang naik dan turun dalam keadaan selamat dan tugas-tugas ini juga akan dikendalikan bersama-sama dengan anggota-anggota askar.
- Juga dikehendaki menentukan keselamatan pesawat seperti:
 - Orang-orang yang akan menaiki pesawat.
 - Barang-barang yang akan ditumpangkan.
 - Meletakkan perkakas-perkakas atau barang-barang di kawasan pendaratan atau hangar.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 14 Januari, 1988.

Bilangan Pendaftaran: 137/1987

(E/213/75)

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN TELEKOM

BILANGAN RANCANGAN

ES 006/87

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong Kelas A, B atau C yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran adalah bagi: Erecting Distribution of Wooden Poles/Erecting Aerial Cable/Excavating on Sealed Roadway/Install Strut and Install Stay Wire, Jalan Pasir Berakas.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan Tingkat Satu, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada pukul 3.00 petang pada hari Rabu 30 Disember, 1987.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup dan hanya bertanda TENDER FOR ERECTING DISTRIBUTION OF WOODEN POLES/ERECTING AERIAL CABLE/EXCAVATION ON SEALED ROADWAY/INSTALL STRUT AND INSTALL STAY WIRE, JALAN PASIR BERAKAS.

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut mengenai bolehlah diperolehi dari pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan 2051, dengan membayar tawaran sebanyak \$200.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang mestikan bagi tawaran bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi, hari Khamis 17 Disember, 1987. Bertempat: Jabatan Telekom, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

8. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama di tempat pemasangan/pembinaan yang telah ditetapkan.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon berkecualan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

PEGAUAI KEJURUTERAAN KAWASAN :

(Bilangan Kod : 095 02-346)

(i) Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)
Tanggagaji : B. 2 — \$2270-\$3760 sebulan.

Kelayakan :

i) Ijazah atau Higher National Diploma (HND) atau Sijil Teknologi Penuh City & Guilds Institute London dalam bidang Telekom atau kelulusan yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun dalam penyediaan dan bertanggungjawab dalam ibusawat, Pemeliharaan rangkaian kabel-kabel, alat untuk pelanggan.

ii) Mempunyai Sijil City & Guilds dalam loji talian amali atau kelulusan yang sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan serta mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman dalam kerja kabel (gantungan dan bawah tanah), kontrak dan yang mana lapasan tahun daripadanya berjawatan sebagai penyelia.

iii) Oleh kerana jawatan ini menghendaki penyediaan yang sempurna untuk kakitangan teknologi dan teknikal di semua peringkat, pengalaman yang terbukti dan latihan pengurusan kakitangan adalah dikehendaki.

iv) Pengalaman dalam pengendalian dan pemeliharaan Mitsubishi Standard A dan Harris Standard B adalah merupakan satu kelebihan.

Had Umur :

Sekurang-kurangnya 35 tahun. Tidak ada had umur maksimum asalkan sihat dari segi fizikal.

Jawatan dan Tugas :

Pegawai Kejuruteraan kawasan bertanggungjawab terhadap penyediaan pegawai-pegawai teknologi dan teknik dari berbagai peringkat dan latihan. Mereka melapor kepada sama ada Jurutera Telekom atau Pengurus Telekom kawasan dan bertanggungjawab dalam :

- Membantu perancangan pembesaran rangkaian suis di Brunei atau;
- Membantu perancangan kabel pelanggan termasuk kabel gantungan dan skim saluran (duct) dan penyediaan kontrak dan penerimaan ujian atau;
- Menyelia pemeliharaan rangkaian pengagihan pelanggan.

iv) Pengendalian dan Pemeliharaan Stesen Bumi.

PENGUSAHA GERAKAN PELABUHAN :

(Bilangan Kod : 076 21-965)

(i) Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji : B. 2 — \$2270-\$3760 sebulan.

atau
B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan :

a) Berumur tidak kurang dari 30 tahun.

b) i) Ijazah atau kelulusan profesional yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan dalam salah satu bidang pengajian yang berikut atau yang sama dengannya :

- Pengurusan Pelabuhan.
- Pengurusan Perkapalan.
- Pengurusan/Pentadbiran.
- Kejuruteraan (Pelabuhan/Perkapalan/Mechanical/Marine).

dan mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan pelabuhan.

ATAU
ii) Higher National Diploma/TEC Higher Diploma atau sebanding dengannya yang diiktiraf dalam bidang pelabuhan dan perkapalan dan mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan pelabuhan tidak kurang dari lima tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Bertanggungjawab bagi pemenggaraan, penyimpanan karut dan keselamatannya, sewa stor dan lain-lain bayaran, kedudukan kapal-kapal merapat, kutipan-kutipan perang-tan, sewa alat-alat jentera, gudang-gudang, mengawasi dan melatih kakitangan, mentadbir pelabuhan dan kakitangan, serta lain-lain tugas-tugas yang diatitkan oleh Pegawai Pelabuhan-pelabuhan dari masa ke semasa.

PENYUNTING FILEM : (Bilangan Kod : 009 16-912)

(i) Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : C. 2-3 EB. 4 — \$1450-\$2620 sebulan.

Kelayakan :

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Disember, 1987.

Tarikh tutup: 21 Disember, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 417 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD514/0709

PEMBINAAN SATU (1) BLOK (12 UNIT) RUMAH PANGSA KELAS 'C' DAN SATU (1) BLOK (6 UNIT) RUMAH PANGSA KELAS 'E' UNTUK SEKOLAH MENENGAH BANGAR, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 19 Disember, 1987.

Tarikh tutup: 23 Disember, 1987.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 418 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD515/0901

KERJA-KERJA PEMASANGAN ELEKTRIK DAN PENCEGAH KEBAKARAN BAGI KLINIK KESIHATAN KANAK-KANAK DAN IBU-IBU MENDUNG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 19 Disember, 1987.

Tarikh tutup: 23 Disember, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 419 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Hawa Dingin Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD515/0901

KERJA-KERJA PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI KLINIK KESIHATAN KANAK-KANAK DAN IBU-IBU MENDUNG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 19 Disember, 1987.

Tarikh tutup: 23 Disember, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada hari Isnin 21 Disember, 1987 jam 12.00 tengah hari bagi perkara berikut:—

Tawaran Bil.:	Keterangan	Wang Cagaran
DMS/49/1987	Membebel dan Menghantar "CSSD Supplies" bagi tempoh 2 tahun (1988/1989)	\$200.00 + \$15.00 (dokumen)
DMS/50/1987	Membebel dan Menghantar "Renal Unit Supplies" bagi tempoh 2 tahun (1988/1989)	\$300.00 + \$15.00 (dokumen)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi daripada Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.
4. Semua tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup dan ditulis dengan bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:
Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat 4,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PERMOHONAN MASUK KE SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN

Permohonan-permohonan dari Sekolah Bukan Kerajaan yang memenuhi syarat-syarat yang tersebut di bawah ini adalah dipertimbangkan bagi memasuki ke Tingkatan IV Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan bagi tahun 1988.

Pemohon-pemohon yang berjaya dipertimbangkan mesti bersedia diutuskan dan ditentukan aliran serta sekolahnya.

Kelayakan Pemohon

1.1 Terdiri daripada penuntut sepenuh masa aliran Inggeris.

1.2 Mempunyai rekod akademik, kedatangan serta disiplin yang baik.

1.3 Mempunyai akaun-akaun akademik seperti berikut:—

1.3.1 Bagi Tingkatan I

Lulus 'Primary Certificate of Education'.

1.3.2 Bagi Tingkatan IV

(Aliran Sains/Sastera/Teknikal).

Lulus 'Brunei Junior Certificate of Education'.

1.4 Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Membuat Permohonan

2.1 Semua permohonan mula dibuka sebaik sahaja keputusan peperiksaan 'Primary Certificate of Education' dan 'Brunei Junior Certificate of Education' bagi tahun 1987 diumumkan dan ditutup DUA MINGGU selepas tarikh keputusan peperiksaan yang berkenaan diumumkan. Permohonan mestilah sampai tidak lewat daripada 7 Januari, 1988.

2.2 Permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan. Bagaimanapun pertimbangan khas hanya akan diberi jika penaja mereka terdiri daripada:—

2.2.1 Pegawai atau Kakitangan Kerajaan yang dalam Perkhidmatan Tetap, Sekolah Ke Sebulan/ Open Vote/Bergaji Hari atau Pegawai Berkontrak yang diutuskan bertukar kerana tugas dari satu daerah ke daerah lain yang tidak terdapat sebarang kemudahan untuk meneruskan pelajaran di Sekolah Bukan Kerajaan.

2.2.2 Pegawai Kerajaan Berkontrak atau yang dalam perkhidmatan sebulan ke sebulan yang baharu memulakan perkhidmatan dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon Yang Bukan Rakyat (Tertakluk Kepada Adanya Tempat)

3.1 Bayaran Sekolah

Dikenakan Bayaran Sekolah mengikut kadar yang dinyatakan dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran Brunei Bil.: 16/1984 Rujukan: JPD/A/10/E/1 (84) bertarikh 14 Februari, 1984.

3.2 Pas Pelajar

Mengikut peraturan yang berjalan pada masa ini pemohon-pemohon yang berjaya dipertimbangkan adalah dikehendaki menguruskan Pas Pelajar masing-masing dengan pihak yang berkenaan di Kementerian ini.

Borang-borang Permohonan

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada:—

BAHAGIAN DERMASISWA, JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN, KEMENTERIAN PELAJARAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

ATAU

PENYELIA KANAN

PERMETERITAHUNAN TAWARAN

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN SEKOLAH

GAMA PENGIRAN MUDA MOHAMMAD BOLKIAH,

DAERAH TEMBURONG.

BIL.: 27/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Kecil, Kementerian Hal Ehwat Ugama, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Hal Ehwat Ugama, Jalan Elzaka II, Bandar Seri Begawan pada hari Rabu 13 Januari, 1988 jam 3.00 petang mengenai perkara di atas.

Tawaran-tawaran hendaklah dikirimkan dalam sampul yang tertutup dan ditulis dengan perkataan di luar sampul "TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN SEKOLAH UGAMA PG MUDA MOHAMMAD BOLKIAH, DAERAH TEMBURONG" tanpa mengubah identiti penaja dan dimasukkan ke dalam peti tawaran Kementerian Hal Ehwat Ugama, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Hal Ehwat Ugama Bandar Seri Begawan 1180.

Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

Penerangan-penerangan lanjut boleh diperolehi dari Pengerusi Sekolah Agama Daerah Temburong atau Guru Besar Sekolah Agama yang berkenaan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan bertanggungjawab terhadap tawaran-tawaran yang telah atau lain-lain tawaran.

SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH TUTONG, TUTONG.

ATAU

PENYELIA KANAN

SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH BELAIT, KUALA BELAIT.

ATAU

PENYELIA KANAN

SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH TEMBURONG, TEMBURONG.

5. Perhatian Penting

5.1 Kemasukan ke Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan setakat ini adalah bagi calon pilihan sahaja dan hanya belum dibuka kepada pemohon-pemohon.

5.2 Borang-borang yang sudah diisi hendaklah disertakan dengan salinan semua Slip Keputusan/Sijil-sijil yang berkenaan yang diserahkan di belakangnya oleh Pengetua Sekolah masing-masing seperti di bawah:—

a) Slip Keputusan/Sijil diakui sah

b) Cap rasmi

c) Tandatangan Pengetua.

5.3 Borang-borang hendaklah dikembalikan kepada:—

BAHAGIAN DERMASISWA, JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN, KEMENTERIAN PELAJARAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

5.4 Pemohon-pemohon yang tidak memberikan keterangan yang benar dengan sendirinya tidak akan dipertimbangkan.

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUSAHA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

No. 202/1987 No. 100/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah dibuat oleh Teo Yong Ming kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Ang Geok Aee yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab ia itu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 12 Disember, 1987, jam 9.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 30 November, 1987

No. 260/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah dibuat oleh Dk. Norsiah binti Pg. Othman kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Dk. Kamariah binti Pg. Osman yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab ia itu si pemohon ialah adik beradik kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 12 Disember, 1987, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 30 November, 1987

No. 111/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah dibuat oleh Seah Ngoh San kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Seah Hiong Kee yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab ia itu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 5 Januari, 1988, jam 9.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 30 November, 1987

No. 100/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah dibuat oleh Teo Sui Kim kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Teo E Hoo yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab ia itu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 5 Januari, 1988, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 23 November, 1987

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/MTB/472/1987

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN ALAT-ALAT HAWA DINGIN JENIS CENTRAL DI MUZIUM TEKNOLOGI MELAYU, KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: \$100.00.

Tarikh tutup: 6 Januari, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Kelas: "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/MTB/399/1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berdaftar sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 23 Disember, 1987 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMELIHARAAN BANGUNAN DAN KAWASAN PUSAT TENAGA ELEKTRIK DAN PERUMAHAN SERIA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Depositi (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$300.00.

BIL.: PPL/MTB/474/1987

Tajuk kerja: SUPPLY AND INSTALLATION OF TWO LIFTS ARRANGED IN PAIRS FOR NEW LAND TRANSPORT OFFICE BUILDING, KAMPONG MATA-MATA, GADONG.

Cengkeram: \$200.00.

Tarikh tutup: 13 Januari, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan Pemborong: Pemborong yang berkelayakan dalam lif-lif sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/MTB/483/1987

Tajuk kerja: PEMASANGAN ALAT HAWA DINGIN JENIS RAGDAN SPLIT UNIT UNTUK ASRAMA JURURAWAT DI RUMAH SAKIT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, BANDAR SERI BEGAWAN.

Cengkeram: \$200.00.

Tarikh tutup: 13 Januari, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Bahagian Pelajaran Lanjutan, Kementerian Pelajaran, Negara Brunei Darussalam menawarkan kursus-kursus seperti berikut bagi tahun 1988.

1. Bahasa-Bahasa Asing

a. Bahasa Inggeris

b. Bahasa Perancis

c. Bahasa Jepun

d. Bahasa Jerman

e. Bahasa China

f. Bahasa India

g. Bahasa Arab.

2. Pelajaran Menengah

a. Bahasa Inggeris

b. Kesusastraan Inggeris

c. Bahasa Melayu

d. Kesusastraan Melayu

e. Ilmu Alam

f. Sejarah

g. Lukisan

h. Sains

i. Ekonomi

j. Kertas Am

k. Pengetahuan Agama Islam

l. Ilmu Hisab

m. Biologi

n. Kimia

o. Fizik

3. Ilmu Perdagangan

a. Menaip

b. Trengkas

c. Menyimpan Kira-kira

d. Akauntan.

4. Bahasa Melayu bagi orang asing.

Kelayakan pemborong: Kelas: "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/MTB/399/1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berdaftar sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 23 Disember, 1987 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMELIHARAAN BANGUNAN DAN KAWASAN PUSAT TENAGA ELEKTRIK DAN PERUMAHAN SERIA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Depositi (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$300.00.

BIL.: PPL/TB/55/1987

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENYAMAN UDARA 18,000 BTU/HR, 24,000 BTU/HR DAN STARTER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: \$200.00.

Tarikh tutup: 28 Disember, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Kewangan.

Kelayakan pemborong: Pemborong yang dikirifikan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/TB/55/1987

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENYAMAN UDARA 18,000 BTU/HR, 24,000 BTU/HR DAN STARTER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: \$200.00.

Tarikh tutup: 28 Disember, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Kewangan.

Kelayakan pemborong: Pemborong yang dikirifikan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/TB/55/1987

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENYAMAN UDARA 18,000 BTU/HR, 24,000 BTU/HR DAN STARTER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: \$200.00.

Tarikh tutup: 28 Disember, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Kewangan.

Kelayakan pemborong: Pemborong yang dikirifikan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/TB/55/1987

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENYAMAN UDARA 18,000 BTU/HR, 24,000 BTU/HR DAN STARTER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: \$200.00.

Tarikh tutup: 28 Disember, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Kewangan.

Kelayakan pemborong: Pemborong yang dikirifikan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

KEGIATAN BELIA PELBAGAI BIDANG PERLU DIRANCANG

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Majlis Belia-belai Brunei (MBB) dialu-alukan bagi menganjurkan rancangan-rancangan kegiatan belia di dalam berbagai bidang yang berunsur keagamaan, kebudayaan, kemasyarakatan dan kesukuan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussein mengusulkan demikian di majlis pertandingan membaca Al-Quran bahagian belia peringkat negara di Pusat Belia di sini.

Yang Berhormat menyentuh, pertandingan yang diadakan itu tidak seharusnya ditekankan untuk mengumumkan para pemenang sahaja malah dihasrat jawatankuasa ke arah ini dapat dibentuk bagi mengkaji serta memikirkan rancangan lanjutan untuk meninggikan lagi kefahaman dan mutu pembacaan Al-Quran kepada belia-belai di negara kita.

"Jika rancangan ini dapat disusun dan diikuti maka ini adalah di antara ganjaran hadiah yang paling berharga kepada mereka sebagai amalan di dunia dan di akhirat nanti," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyarankan sudah tiba

Oleh Dk. Fatimah Pg. Haji Mohd. Noor

masanya pertandingan ini dibukakan kepada peserta-peserta luar negeri bagi menambahkan semangat untuk mendalami lagi mutu pembacaan Al-Quran di kalangan kanak-kanak dan belia-belai di negara ini, di samping membentuk sikap keperibadian mereka ke arah kegiatan yang bermanfaat.

Yang Berhormat berasa kesal terdapatnya beberapa persatuan di negara ini tidak mempunyai rancangan yang tetap pada tiap-tiap tahun apalagi rancangan lima tahun.

"Secara majoriti rancangan-rancangan yang dikendalikan hanyalah secara 'ad-hoc' sahaja, yang mana saya rasa cara perancangan seperti ini tidak akan mendatangkan kesan seperti apa yang diharap-harapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menegaskan sekali lagi agar rancangan dan kegiatan akan dikendalikan secara

berterusan (routine) supaya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dapat menumpukan rancangan yang besar seperti kajian dan rancangan infrastruktur yang menyeluruh yang dapat dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat di negara ini.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ke arah itu tegas Yang Berhormat sentiasa mempertimbangkan dan meneliti sekiranya ada persatuan yang meminta bantuan dan menghadapkan rancangan tahunan masing-masing kepada pihak kementeriannya.

"Sekiranya pihak persatuan tersebut gagal berbuat demikian, maka adalah dianggap bahawa mereka tidak memerlukan sebarang bantuan," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyeru sekali lagi kepada persatuan-persatuan belia, sukan dan kebajikan di negara ini akan membuat rancangan jangka panjang difikirkan sesuai dan bermanfaat bukan sahaja kepentingan persatuan itu bahkan demi kepentingan dan kesejahteraan masyarakat di negara ini.

Yang Dipertua Majlis Belia-Belia Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani menyentuh tujuan utama pertandingan ialah un-

tuk menyebarkan dakwah islamiah di kalangan belia di samping menggalakkan belia mendampingi diri kepada ajaran Islam dan memupuk rasa persaudaraan yang muhibah dan mengasuh jiwa belia ke arah yang diredai Allah.

Seramai 10 orang qari dan qariah mengambil bahagian.

Awang Hussain bin Haji Taha dari Daerah Brunei-Muara menjadi johan bahagian lelaki manakala Dayang Aminah binti Haji Abdi Manaf johan bahagian wanita mewakili Daerah Tutong.

Naib johan bahagian lelaki jatuh kepada Awang Rosli bin Haji Batang dari Daerah Brunei-Muara dan ketiga dimenangi oleh Awang Ishak bin Haji Abdul Manaf dari Daerah Tutong.

Bahagian wanita, tempat kedua jatuh kepada Dayang Hajjah Norhayati binti Haji Abdul Hamid dan ketiga Dayang Noridah binti Haji Zainal kedua-duanya dari Daerah Brunei dan Muara.

Majlis itu diserikan dengan persembahan nasyid dari Badan Kebajikan, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan penuntut-penuntut Maktub Perguruan Ugama Seri Begawan dan diselenggarakan dengan syarahan agama yang disampaikan oleh Ustaz Ismail bin Sulaiman dari Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Saranan tubuh majlis Belia Daerah Brunei dan Muara

Oleh Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Dipertua Majlis Belia-belai Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, menyarankan semua persatuan belia di Daerah Brunei dan Muara sesegera mungkin menubuhkan Majlis Belia Daerah Brunei-Muara.

Menurut beliau, melalui majlis itu pelbagai projek belia akan dapat diselenggarakan di antara persatuan-persatuan belia yang bergabung dengannya.

"Penyelarasan projek ini perlu dibuat bagi membolehkan persatuan-persatuan belia tidak melakukan projek bertumpang tindih di samping mengelakkan pembaziran," tegas beliau ketika merasmikan Majlis Mesyuarat Agung Pertama Persatuan Belia Kampong Masin (PEMAS) di Sekolah Rendah Kampong Masin, pada petang Jumaat lepas.

Yang Dipertua MBB itu juga menekankan bahawa penubuhan Majlis Belia Daerah Brunei-Muara akan membolehkan persatuan-persatuan belia yang bergabung menyusun strategi dan perancangan jangka panjang di bidang sosial, ekonomi dan kebudayaan dan secara langsung menambahkan lagi kedudukan Majlis Belia

Brunei (MBB) sebagai induk kepada semua persatuan belia dan kebajikan di negara ini.

Majlis Belia Daerah Brunei-Muara juga katanya, diharapkan dapat menjadi wadah kepada persatuan-persatuan belia yang bergabung dengannya, termasuk dalam melatih dan membentuk bakal pemimpin belia yang akan meneraju kepimpinan MBB di masa depan.

Menyentuh mengenai penubuhan Persatuan Belia Kampong Masin (PEMAS) pula, Yang Dipertua MBB itu menganggap ianya sebagai satu langkah yang bijak kerana melalui persatuan berkenaan, para belia di kampung akan dapat memberikan sumbangan berharga khususnya dalam kerja-kerja kebajikan masyarakat di kampung itu dan sekitarnya.

"Ini akan dapat mewujudkan persefahaman dan keharmonian masyarakat. Melalui projek-projek berfaedah yang akan saudara ungkayahkan akan dapat melahirkan perpaduan bukan saja di kalangan para belia sendiri tetapi juga masyarakat kampung keseluruhannya," ujar beliau.

PERSATUAN BELIA KAMPONG MASIN KINI DIBENTUK

MASIN. — Persatuan Belia Kampong Masin (PEMAS) yang baru dibentuk telah mengadakan mesyuarat agung yang pertama di Dewan Sekolah Rendah Masin di sini, pada petang 27 November lepas.

Mesyuarat tersebut dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Belia-belai Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani.

Pengerusi majlis itu, Awang Haji Aji bin Haji Bandol ketika berucap, menyeru para belia di kampung berkenaan menyertainya dan bersamasama menyumbangkan tenaga mengukuhkan pelbagai kegiatan yang berkebakikan yang bakal dirancang oleh persatuan berkenaan.

Katanya, persatuan itu telah lama diura-urakan tetapi baru dapat dibentuk dalam bulan Mac lepas dan seterusnya diterima pendafatarannya pada 11 April, 1987 lepas. Sebelum ini, segala kegiatan kebajikan dijalankan melalui syarikat kerjasama kampung berkenaan.

Senarai penuh ahli-ahli jawatankuasa persatuan berkenaan adalah seperti berikut:

Penasihat, Awang Haji Zaman bin Abdul Kadir (Ketua Kampung), Yang Dipertua, Abu Hasrah bin Haji Kamis, Naib Yang Dipertua, Awang Rusli bin Haji Tuah, Pengerusi Tetap, Awang Haji Aji bin Haji Bandol; Setiausaha Agung, Awang Haji Wahab bin Haji Bungsu; Naib Setiausaha Agung, Awang Abdul Kadir bin Haji Jamaluddin.

Bendahari Agung, Awang Said bin Ghani; Pemeriksa Kira-kira, Awang Kassim bin Haji Jamaluddin dan Dayang Mariah binti Haji Kamis; Setiausaha Kesenian dan Kebudayaan, Awang Hamjah bin Haji Duraman dan Dayang Norpah binti Haji Zaman.

Setiausaha Pelajaran, Awang Haji Affandi bin Haji Zaman; Setiausaha Kebajikan, Awang Mohd. Zain bin Haji Muhammad; Setiausaha Sukan, Awang Mokti bin Haji Jamaluddin dan Awang Sambra bin Haji Ismail.

Manakala lima orang ahli jawatankuasa tadbir terdiri dari Awang Ahmad bin Sirabaha, Awang Wahab bin Haji Badar, Awang Haji Abd. Rahim bin Haji Tengah, Dayang Noorfaridah binti Haji Safar dan Dayang Noorainah binti Haji Bungsu.



TETAMU kehormat Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani (duduk dua dari kiri) dan para jemputan khas dan ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Belia Kampong Masin (PEMAS) di majlis perasmian mesyuarat agung pertama persatuan berkenaan di Sekolah Rendah Kampong Masin. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub PMHH.

Perkhemahan Belia Kebangsaan akan diadakan pada 18 - 23 Disember

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Perkhemahan Belia Kebangsaan Pertama akan diadakan pada 18 hingga 23 Disember depan bertempat di Peranginan Batang Duri, Daerah Temburong.

Perkhemahan yang dijangka akan disertai oleh kira-kira 300 orang peserta itu dianjurkan bersama oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan

Sukan, Jabatan Daerah Temburong, Majlis Belia-Belia Brunei dan pertubuhan-pertubuhan pakaian seragam.

Pihak penganjur berkata para peserta yang akan menyertai perkhemahan itu dikehendaki mendaftarkan diri pada 18 Disember tidak lewat pada pukul dua petang.

Sementara itu kenderaan

para peserta yang akan ke Daerah Temburong, kenderaan akan menunggu di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Jalan Subok pada 18 Disember dan dijangka bertolak pada pukul 8.00 pagi.

Peserta-peserta Daerah Belait kenderaan yang akan membawa ke Bandar Seri Begawan menunggu di

kawasan Pejabat Daerah Belait pada 17 Disember jam 3.00 petang. Manakala peserta-peserta di Seria pula kenderaan menunggu di Padang Arena Seria juga jam 3.00 petang.

Bagi peserta-peserta di Daerah Tutong pula kenderaan akan menunggu di Pejabat Daerah Tutong pada 18 Disember jam 7.00 pagi.

HOKI PERSAHABATAN : KOREA MENANGI SEMUA PERLAWANAN

SEKALIPUN kecundang, Pasukan Hoki Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berjaya menyekat Pasukan Hoki Kebangsaan Korea Selatan daripada 'Berpesta gol' dengan hanya membenarkan pasukan pelawat itu mencetak gol tanpa balas.

Pasukan pelawat Korea Selatan yang sebahagian besar dibarisi oleh pemain-pemain muda gagal menggunakan peluang yang banyak sehingga terpaksa menunggu di minit ke-20 untuk menjangkau gol pertama melalui Kim Young Kui.

Terdahulu sebelum itu Pasukan ABDB nyaris-nyaris mendahului Pasukan Korea Selatan itu apabila Sarjan Daud gagal melaksanakan umpanan cantik Mejar Alipah yang membuat gerakan dari sebelah kiri ke tengah.

Kemudian di minit ke-30 jurulatih pasukan pelawat itu, You Seng In yang bertindak sebagai penyerang tengah

berjaya 'meloloskan' dirinya daripada kawalan pertahanan ABDB, Koprak Zainal untuk menambahkan jaringan kedua pasukannya.

Setelah ketinggalan 2-0, ABDB terus bertahan menghadapi tekanan serangan-serangan penyerang Korea Selatan di setiap penjuru tiang gol. Bagaimanapun, pujian patut diberikan kepada penjaga gol ABDB iaitu Pegawai Waran I Haji Ali yang bermain mati-matian menggagalkan segala percubaan pemain-pemain Korea Selatan.

Dalam separuh masa kedua penyerang Korea Selatan, Kim Young Kui sekali lagi berhasil menjaringkan gol kedua bagi dirinya dan ketiga bagi pasukan yang menjadikan kedudukan 3-0 melalui pukulan 'short corner' di minit ke-40.

Selepas jaringan itu, ABDB berjaya mengatur serangan kilat di minit-minit ke-50 dan

53 melalui penyerang iaitu Sarjan Daud dan Mejar Johar tetapi kedua pemain itu gagal menyudahkan peluang-peluang itu dan dengan mudah diselamatkan oleh pengurus pasukan Korea, You Min Seng yang diturunkan bertindak sebagai penjaga gol.

Penyerang-penyerang Korea Selatan terus bermaharajalela melakukan serangan demi serangan sehingga pasukan ABDB tidak berpeluang melakukan serangan balas. Akibat serangan bertubi-tubi itu, penyerang sayap Korea Selatan, Yang Seong Jin berjaya menambahkan jaringan keempat pasukannya.

ABDB merupakan mangsa Korea Selatan ketiga di mana sebelum ini mereka telah menundukkan Pasukan Kebangsaan 7-0, di Stadium Negara dan Pasukan Belait 9-0 di Padang Kelab Ria Kuala Belait.



SEROMBONGAN pasukan silat olahraga dari Persatuan Silat Brunei (PERSIB) telah berlepas pada 1 Disember lepas bagi menyertai Kejohanan Silat Sedunia kali ke-4 di Kuala Lumpur.

Sejumlah 19 buah negara dengan 300 peserta menyertai

kejohanan itu yang terdiri dari negara-negara Eropah, Afrika, Asia dan Pasifik.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam ini adalah merupakan kali pertama dan kejohanan kali ini merupakan lanjutan dari kejohanan kali ke-3 di Vienna tahun lalu.

Gambar atas kelihatan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee sedang menyampaikan bendera Negara Brunei Darussalam sejourus sebelum pasukan itu berlepas. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Hanapiah Haji Bungsu juara pingpong perseorangan

HANAPIAH Haji Bungsu keluar sebagai juara ping

pong perseorangan lelaki apabila beliau menundukkan

Abdul Momin Haji Amin dalam perlawanan akhir yang berlangsung di Pusat Belia, pada malam Ahad lepas.

Sekalipun tewas, Abdul Momin Haji Amin berjaya memberikan tentangan sengit sebelum menyerah kalah dalam perlawanan 'rubber set'.

Dalam set pertama, Hanapiah Haji Bungsu menang dengan kiraan 21-17, bagaimanapun dalam set kedua Abdul Momin Haji Amin kemudiannya menebus dengan 21-12, tetapi dalam perlawanan rubber set beliau tunduk dengan kiraan 21-15.

Dalam perlawanan akhir berpasukan lelaki, Pasukan Sukajaya 'B' menundukkan rakan sepasukan mereka Sukajaya 'A'.

Pemain pertama perseorangan Sukajaya 'B' Haji Md. Isa Haji Mohd Yusof menundukkan Emran Haji Abdul Halim 21-14, 21-11. Perseorangan kedua mereka Abdul Momin Haji Amin menundukkan David Seng 21-10, 21-19, Haji Md. Isa sekali lagi turun bagi bermain sebagai pemain perseorangan keempat menundukkan Haji Hamdi bin Haji Abdul Hamid 21-19, 21-14.

Sukajaya 'A' memenangi perlawanan perseorangan kedua Haji Hamdi Abdul Hamid yang menewaskan Haji Said Haji Yahya 21-6, 21-14 dan David Seng juga menundukkan Haji Said Haji Yahya dengan kiraan 21-17, 23-21.

Kejohanan sempena menyambut hari kebangsaan itu dianjurkan oleh Persatuan Ping Pong Amatir Brunei (BATA) di mana sejumlah 40 pemain perseorangan, 24 pemain pasangan bergu, dan 16 buah pasukan menyertai kejohanan yang bermula Ogos lepas.

AKU juara Hanapiah Haji Bungsu ketika beraksi dalam perlawanan akhir pingpong anjuran BATA. — Gambar kiri oleh Harun Rashid.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN SERASA 'A' JUARA BADMINTON BERPASUKAN

DUA kemenangan berturut-turut dalam acara bergu membolehkan pasukan Sekolah Menengah Serasa 'A' keluar sebagai juara Kejohanan Badminton Berpasukan antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pelajaran kali ke-2 apabila menundukkan Sekolah Menengah SMJA 'A' 3-1 dalam perlawanan akhir di Dewan Sekolah Menengah Serasa pada 30 Oktober yang lalu.

Dalam perlawanan akhir itu, Sekolah Menengah SMJA meraih mata pertama apabila pemain perseorangan pertama mereka Aman Adam menundukkan pemain perseorangan pertama Sekolah Menengah Serasa, Jamil Adi dengan kiraan straight set 15-8, 15-4.

Bagaimanapun Sekolah Menengah Serasa berjaya menyamakan kedudukan 1-1 melalui pemain perseorangan keduanya Abd. Ghani Hj. Md. Yusof menewaskan Md. Noor Ahmad dengan kiraan straight set 15-2, 15-4.

Sekolah Menengah Serasa kemudiannya mengatasi Sekolah Menengah SMJA 2-1 apabila pasangan bergu pertama mereka Pg. Hj. Besar Pg. Hj. Bakar dan Yusof Ghani berhempas-pulas untuk menewaskan pasangan Aman Adam dan Hj. Aminuddin Hj. Ali dengan kiraan rubber set 7-15, 17-16 dan 15-11.

Kemudian pasangan bergu kedua Sekolah Menengah Serasa menamatkan perlawanan itu untuk muncul sebagai juara apabila pasangan Abdul Ghani dan Ak. Hashim berjaya menundukkan pasangan Abdul Razak dan Abdul Latif dengan kiraan straight set 15-6, 15-5.

Sejumlah 10 buah pasukan menyertai kejohanan itu bagi merebut piala pusingan Pemangku Pengarah IPSHB Gadong Hajjah Zaharah Hj. Mohammad anjuran Kelab Badminton Guru-guru dan Kakitangan Sekolah Menengah Serasa.



TERLEPAS penyerang ABDB (terlindung) gagal menjaringkan gol sekalipun pintu gol sudah tidak dikawal. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHD.

Sertai perlawanan bolatampar di K. L.

SEROMBONGAN 13 orang pemain bolatampar sekolah-sekolah Negara Brunei Darussalam telah berlepas ke Kuala Lumpur bersama-sama empat orang pegawai, Ahad lepas.

Rombongan itu akan menyertai Kejohanan Bolatampar Sekolah-sekolah ASEAN kali ketiga yang bermula semalam hingga 11 Disember ini.


Kejohanan kali ini adalah merupakan kali pertama negara kita menyertainya dan dalam kejohanan kali ini pasukan kita diketuai oleh Haji Zainal Abidin bin Haji Mohammad.

Sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, satu upacara penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam telah diadakan di lapangan terbang

yang disampaikan oleh Pengarah Kebajikan, Belia

dan Sukan, Pengiran Asmalee Pengiran Ahmad.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima kunjungan muhibah Menteri Hal Ehwal Luar Republik Demokratik Somalia, Tuan Yang Terutama Tuan Abdirahman Jama Barre (gambar atas) di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara

Brunei Darussalam. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Tuan Yang Terutama Tuan Abdirahman Jama Barre dan tujuh orang pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Somalia tiba di negara ini pada 28 November lalu untuk lawatan selama dua hari. Berita lanjut dan gambar-gambar lawatan Tuan Yang Terutama itu disiarkan di muka 3.

Berangkat hadiri jamuan makan

JERUDONG. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat selaku wakil Kerajaan Negara Brunei Darussalam ke majlis jamuan makan malam sempena hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej ke-60 dan Hari Kebangsaan Negara Thailand pada 5 Disember lepas.

Majlis jamuan makan malam yang diberikan oleh Duta Besar Negara Thailand

ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Somchit Insingha telah berlangsung di Kelab Polo Diraja Brunei di sini.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dalam perutusan tahniah kepada rakan sejawat Duli Yang Teramat Mulia, Tuan Yang Terutama Ketua Marshal

Udara Siddhi Savetsila, Menteri Hal Ehwal Luar Thailand, berharap agar hubungan mesra dan kerjasama yang erat kedua buah negara akan dipertingkatkan, bukan saja bagi kepentingan kedua buah negara bahkan juga bagi kepentingan ASEAN.

Juga hadir di majlis itu termasuklah Timbalan Menteri Kewangan, Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Ahmad Wally Skinner dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah serta Tuan Yang Terutama Tuan Somchit Insingha beserta isteri di majlis jamuan makan tersebut. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

DIDENDA KERANA RASUAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Abdul Latif bin Abdul Wahab, berusia 54 tahun, seorang Pemeriksa Tanah Kanan di Pejabat Tanah, Kementerian Pembangunan telah didapati bersalah oleh Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan pada 30 November 1987 di atas dua kesalahan secara tidak jujur menerima rasuah di bawah Bab 6(a) dari Akta Pencegahan Rasuah.

Pada 6 Mei, Awang Haji Abdul Latif telah menjumpai

dua orang pekedai berbangsa China di Kampong Tanjong Bunut. Dia memberitahu kepada mereka bahawa kedai mereka telah dibangunkan tanpa kebenaran dan dia boleh membuat sokongan supaya kedai mereka ditutup kecuali mereka memberinya \$2,000.00. Kedua pekedai tersebut kemudiannya bersetuju dengan membayar \$600.00 kepada beliau.

Beliau telah didenda sejumlah \$10,000.00 bagi kedua

kesalahan atau jika dia gagal 6 bulan penjara. Dia juga telah diperintahkan membayar balik wang \$600.00 yang diterimanya kepada Biro Mencegah Rasuah atau jika dia gagal sebulan penjara.

ALLAH AMAT MENYUKAI UMAT-NYA YANG BERAMAL DAN BERUSAHA

Oleh: Zubaidah Haji Salat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala amat menyukai dan cintakan umat-Nya yang beramal, bekerja dan berusaha. Lebih-lebih lagi segala amal yang dilakukan itu mempunyai mutu dan kualiti yang baik.

Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, Setiausaha Tetap Pentadbiran, Kementerian Pembangunan berkata, di dalam pengajaran Islam sendiri, jika kita hendak memberikan barang kepada orang lain, bukanlah barang lebih atau barang yang tidak berguna. Dalam erti yang lain jelasnya, hikmat yang dihulurkan itu mestilah tidak cacat.

Dalam hal ini, Dato Seri Laila Jasa berpendapat perlunya kita menyedari setiap amal kerja dan usaha yang dilakukan dibuat secara yang paling baik. Kerana perkara ini memang dituntut oleh agama kita bagi menuju ke arah kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan.

Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh berkata demikian ketika merasmikan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan yang berlangsung di ibu negara pada 3

Disember lepas.

Menurutnya Allah Subhanahu Wataala sentiasa melihat amal, kerja dan hasil yang kita lakukan, sementara Rasulullah sendiri akan menjadi saksi seseorang itu tergolong dalam umatnya. Manakala orang-orang Islam akan melihat dan menilai serta merasa dan menikmati faedah amal yang saudara mereka lakukan.

Tegas Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh, tema yang dipilih "Membangun Adalah Tanggungjawab dan Ibadat" adalah bertepatan dan patut diamalkan oleh semua pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan. Kerana jelasnya, tema ini sedikit sebanyak akan memberikan perangsang kita orang-orang Islam untuk memberikan perkhidmatan yang lebih bermutu, berkualiti dan lebih sempurna pada maksudnya.

Pertandingan membaca Al-Quran yang merupakan aktiviti tahunan Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik pada malam tersebut telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Pertandingan, Malai Hashim bin Haji Malai Othman. Di samping itu para hadirin juga berpeluang mendengar bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Mohd. Yusof bin Abu

Bakar dan persembahan nasyid dari kumpulan nasyid jabatan tersebut.

Seramai empat qari dan empat qariah yang terdiri dari pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik menyertai pertandingan itu.

Awang Ahad bin Haji Metasim dan Dayang Hajjah Fatimah binti Haji Salleh, masing-masing menjuarai bahagian qari dan qariah. Mereka menerima hadiah cenderamata Al-Quran, piala dan tambang pergi dan balik bagi menunaikan fardu haji ke Mekah.

Sementara itu, Awang Ahad juga telah menerima Piala Pusingan yang disumbangkan oleh Pegawai Pentadbir Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik, Haji Jalil bin Haji Abdul Latif.

Bagi menyerikan lagi majlis pertandingan itu, syarahan agama juga telah disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Dakwah Islamiah, Ustaz Awang Haji Ismail bin Sulaiman.

Di akhir majlis hadiah-hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh tetamu kehormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh, Setiausaha Tetap Pentadbiran Kementerian Pembangunan.



DATO Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh ketika menyampaikan piala pusingan kepada peserta qari yang terpilih sebagai peserta terbaik di pertandingan itu, Awang Ahad bin Haji Metasim. — Gambar oleh Harun Rashid.

KEBERSIHAN SEBAHAGIAN DARIPADA IMAN